SEMINAR RAMADHAN MEMBURU KEAMPUNAN TUHAN

Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan keimanan dan mengharap, diampuni dosa-dosanya yang lalu.

[Sahih al-Bukhari]



www.alkahfi.com.my

Kandungan

Definisi Puasa

Al-Siyam/Al-Shoum (الصيام / الصوم)

Daripada sudut bahasa: Menahan diri daripada sesuatu. Perkataan ini digunakan untuk segala bentuk menahan diri daripada melakukan sesuatu. Allah berfirman dalam surah Maryam, ayat 26:

فَقُولِي إِنِّي نَذَرْتُ لِلرَّحْمَنِ صَوْمًا فَلَنْ أُكَلِّمَ الْيَوْمَ إِنْسِيًّا

Sesungguhnya aku telah bernazar kepada ar-Rahman untuk berpuasa. Aku tidak akan bercakap dengan sesiapa pun pada hari ini.

Puasa yang dimaksudkan di sini ialah menahan diri daripada berkata-kata.

Daripada sudut syara: Menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula daripada terbitnya fajar, sehingga tenggelamnya matahari dengan niat beribadah kepada Allah. [Sahih Fiqh as-Sunnah]

Dr. Yusuf al-Qaradawi menerangkan di dalam Fiqh as-Siyam:

إمساك وامتناع عن الاستجابة لما كان مباحًا من شهوة البطن، وشهوة الفرج، بنية التقرب إلى الله تعالى.

Menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang harus/halal daripada sudut nafsu perut, nafsu seksual, dengan niat mendekatkan diri kepada Allah.

Hikmah Puasa

Antara hikmah puasa yang Dr. Yusuf al-Qaradawi sebutkan dalam Fiqh as-Siyam ialah:

1- **Penyucian Jiwa** dengan mentaati Allah pada apa yang Dia Suruh, dan meninggalkan apa yang Dia Larang. Ia merupakan latihan kepada kesempurnaan penghambaan kepada Allah. Dia mengharamkan dirinya daripada hawa nafsunya, dan membebaskan dirinya daripada kebiasaannya. Seandainya seseorang itu mahu untuk makan atau minum, atau menggauli isterinya, dan tiada siapa pun mengetahui hal itu. Tetapi dia meninggalkan hal itu kerana Allah sahaja.

2- **Menyihatkan tubuh badan dan rohani**.

3- **Melatih diri bersabar**. Ini sebagaimana sabda Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam:

عَنْ أَبِي عُثْمَانَ النَّهْدِيِّ ، أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ ، قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : " صَوْمُ شَهْرِ الصَّبْرِ ، وثَلَاثَةِ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ ، صَوْمُ الدَّهْرِ"

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Puasa pada bulan kesabaran (iaitu Ramadhan), dan tiga hari pada setiap bulan, adalah sama seperti puasa setahun. [Musnad Ahmad, Musnad Abi Hurairah, hadis no: 7395, Shaikh al-Arnaouth berkata: Isnadnya sahih]

4- **Merendahkan hawa nafsu**. Ini sebagaimana sabda Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ ، مَنِ اسْتَطَاعَ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ ، فَإِنَّهُ أَغَضُّ لِلْبَصَرِ ، وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ

Wahai anak muda, sesiapa yang daripada kalian mampu berkahwin, hendaklah dia berkahwin. Sesungguhnya dia akan lebih dapat menundukkan pandangan dan memelihara kemaluan. Sesiapa yang tidak mampu, hendaklah dia berpuasa. Sesungguhnya puasa itu perisai. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 4703]

5- **Syukur kepada Allah**. Orang yang berpuasa akan mudah mengingati nikmat yang Allah berikan. Manusia sering kali mengingati sesuatu ketika ia hilang daripadanya.

6- Mengingati orang yang lebih susah. Dalam bulan Ramadhan khususnya, semua orang akan berlapar tidak kira orang kaya mahupun miskin. Orang-orang yang kaya akan merasai keperitan dan kelaparan orang-orang miskin.

Sejarah Pensyariatan Puasa

Dr. Yusuf al-Qaradawi menukilkan perkataan Ibn al-Qayyim daripada Zadul Ma’ad dalam Fiqh as-Siyam:

أي في السنة الثانية من الهجرة وهي السنة التي فرض فيها الجهاد فتوفى النبي صلى الله عليه وسلم وقد صام تسعة رمضانات

(Puasa disyariatkan) pada tahun kedua hijrah iaitu tahun pensyariatan jihad. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam wafat dan sempat berpuasa sebanyak sembilan kali Ramadhan.

Peringkat Pensyariatan Puasa

Dalam Fiqh as-Siyam disebutkan bahawa puasa disyariatkan dalam dua peringkat.

Peringkat pertama: Sebagai pilihan. Di mana seseorang yang mampu berpuasa itu boleh memilih sama ada untuk berpuasa dan ini lebih afdhal, atau pun membayar fidyah dengan memberi makan kepada orang miskin. Ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 183-184

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (183) أَيَّامًا مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (184)

Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa, (183) [iaitu] dalam beberapa hari yang tertentu. Maka barangsiapa di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan, maka [wajiblah baginya berpuasa] sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari- hari yang lain. Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya [jika mereka tidak berpuasa] membayar fidyah, [iaitu]: memberi makan seorang miskin. Barangsiapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebajikan, maka itulah yang lebih baik baginya. **Dan berpuasa lebih baik bagimu** jika kamu mengetahui. (184) .

Peringkat kedua: Diwajibkan puasa bagi yang mampu tanpa pilihan memilih sama ada puasa atau fidyah. Ini berdasarkan ayat al-Baqarah 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ (185)

[Beberapa hari yang ditentukan itu ialah] bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan [permulaan] Al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeza [antara yang hak dan yang bathil]. Oleh kerana itu, barangsiapa di antara kamu hadir [di negeri tempat tinggalnya] di bulan itu, maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu, dan barangsiapa sakit atau dalam perjalanan [lalu dia berbuka], maka [wajiblah baginya berpuasa], sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari- hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur. (185)

عَنْ سَلَمَةَ بْنِ الْأَكْوَعِ ، قَالَ : " لَمَّا نَزَلَتْ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ سورة البقرة آية 184 ، كان من أراد منا أن يفطر ويفتدي حتى نزلت الآية التي بعدها فنسختها

Salamah bin al-Akwa' radiallahu 'anha berkata: Apabila turunnya ayat surah al-Baqarah 184, sesiapa daripada kami yang mahu berbuka akan membayar fidyah sehinggalah turun ayat selepasnya yang menasakh (menghapuskan hukum itu). [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Sawm, no: 727, hasan sahih gharib]

Fadhilat Puasa

1- Pahala puasa tiada had batasan

2- Puasa itu perisai

3- Bau mulut orang berpuasa lebih harum daripada kasturi

4- Gembira ketika bertemu Allah

عَنْ أَبِي صَالِحٍ الزَّيَّاتِ ، أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : قَالَ اللَّهُ : " كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ لَهُ ، إِلَّا الصِّيَامَ فَإِنَّهُ لِي ، وَأَنَا أَجْزِي بِهِ ، وَالصِّيَامُ جُنَّةٌ ، وَإِذَا كَانَ يَوْمُ صَوْمِ أَحَدِكُمْ فَلَا يَرْفُثْ وَلَا يَصْخَبْ ، فَإِنْ سَابَّهُ أَحَدٌ أَوْ قَاتَلَهُ ، فَلْيَقُلْ : إِنِّي امْرُؤٌ صَائِمٌ ، وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ ، لَخُلُوفُ فَمِ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ ، لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ يَفْرَحُهُمَا : إِذَا أَفْطَرَ فَرِحَ ، وَإِذَا لَقِيَ رَبَّهُ فَرِحَ بِصَوْمِهِ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Semua amalan anak Adam adalah untuknya kecuali puasa. Sesungguhnya ia adalah milik Ku, dan Aku lah yang akan membalasnya. Puasa itu perisai. Apabila salah seorang daripada kamu berpuasa, janganlah dia bersama isterinya dan janganlah dia bergaduh. Jika seseorang mencacinya, hendaklah dia berkata: Sesungguhnya aku berpuasa. Demi Tuhan yang diri Muhammad di TanganNya, sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa lebih harum di sisi Allah daripada haruman kasturi. Orang yang berpuasa mempunyai dua kegembiraan: Iaitu kegembiraan ketika berbuka puasa, dan kegembiraan ketika bertemu Tuhannya. [Sahih al-Bukhari, Kitab as-Sawm, hadis no: 1780]

5- Diampuni dosa yang lalu

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ. "

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan keimanan dan mengharap, diampuni dosa-dosanya yang lalu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 37]

6- Dijauhkan dari neraka

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : " مَنْ صَامَ يَوْمًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بَعَّدَ اللَّهُ ، وَجْهَهُ عَنِ النَّارِ سَبْعِينَ خَرِيفًا

Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu berkata: Aku mendengar Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang berpuasa satu hari di jalan Allah, Allah akan menjauhkan wajahnya daripada neraka sejauh tujuh puluh musim [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jihad wa as-Siyar, hadis no: 2641]

7- Mendapat pintu khas di syurga

عَنْ سَهْلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِنَّ فِي الْجَنَّةِ بَابًا ، يُقَالُ لَهُ : الرَّيَّانُ ، يَدْخُلُ مِنْهُ الصَّائِمُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، لَا يَدْخُلُ مِنْهُ أَحَدٌ غَيْرُهُمْ ، يُقَالُ : أَيْنَ الصَّائِمُونَ ؟ فَيَقُومُونَ ، لَا يَدْخُلُ مِنْهُ أَحَدٌ غَيْرُهُمْ ، فَإِذَا دَخَلُوا أُغْلِقَ ، فَلَمْ يَدْخُلْ مِنْهُ أَحَدٌ. "

Sahl radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya di syurga terdapat satu pintu yang dipanggil ar-Rayyan. Orang-orang yang berpuasa akan masuk melaluinya pada hari kiamat, dan tiada seorang pun selain mereka yang dapat masuk melaluinya. Nanti akan diseru: Di manakah orang-orang yang berpuasa? Lalu mereka pun bangun. Lalu tiada seorang pun selain daripada mereka yang dapat masuk. Apabila mereka telah masuk, maka pintu akan ditutup, dan tiada seorang pun dapat memasukinya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1772]

8- Mendidik diri menjadi sabar

عَنْ رَجُلٍ مِنْ بَنِي سُلَيْمٍ ، قَالَ : عَدَّهُنَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي يَدِي أَوْ فِي يَدِهِ ، التَّسْبِيحُ نِصْفُ الْمِيزَانِ ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ يَمْلَؤُهُ ، وَالتَّكْبِيرُ يَمْلَأُ مَا بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ ، وَالصَّوْمُ نِصْفُ الصَّبْرِ ، وَالطُّهُورُ نِصْفُ الْإِيمَانِ

Seorang lelaki daripada Bani Sulaim berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam mengira-ngira dengan tangannya; Tasbih (Subhanallah) itu separuh daripada timbangan mizan, Alhamdulillah pula memenuhi timbangan itu, Takbir (Allahuakbar) pula mengisi apa yang ada antara langit dan bumi. Puasa itu separuh daripada kesabaran. Bersuci itu separuh keimanan. [Sunan at-Tirmizi, Kitab ad-Daawat (Doa), hadis no: 3465, hadis hasan]

Jenis-Jenis Puasa

1) Puasa wajib

2) Puasa sunat

Puasa wajib

1- Puasa Ramadhan

2- Puasa Kaffarah

3- Puasa Nazar

Puasa Ramadhan

Dalil pensyariatannya ialah melalui al-Quran, as-Sunnah dan Ijma'/kesepakatan para ulama. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 183-185.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (183) أَيَّامًا مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (184) شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ (185)

Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa, (183) [iaitu] dalam beberapa hari yang tertentu. Maka barangsiapa di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan [lalu dia berbuka], maka [wajiblah baginya berpuasa] sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari- hari yang lain. Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya [jika mereka tidak berpuasa] membayar fidyah, [iaitu]: memberi makan seorang miskin. Barangsiapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebajikan, maka itulah yang lebih baik baginya. Dan berpuasa lebih baik bagimu jika kamu mengetahui. (184) [Beberapa hari yang ditentukan itu ialah] bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan [permulaan] Al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeza [antara yang hak dan yang bathil]. Oleh kerana itu, barangsiapa di antara kamu hadir [di negeri tempat tinggalnya] di bulan itu, maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu, dan barangsiapa sakit atau dalam perjalanan [lalu dia berbuka], maka [wajiblah baginya berpuasa], sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari- hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur. (185)

Dalil as-Sunnah:

عَنْ طَلْحَةَ بْنِ عُبَيْدِ اللَّهِ ، أَنَّ أَعْرَابِيًّا جَاءَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَائِرَ الرَّأْسِ ، فَقَالَ : " يَا رَسُولَ اللَّهِ ، أَخْبِرْنِي مَاذَا فَرَضَ اللَّهُ عَلَيَّ مِنَ الصَّلَاةِ ؟ فَقَالَ : الصَّلَوَاتِ الْخَمْسَ ، إِلَّا أَنْ تَطَّوَّعَ شَيْئًا ، فَقَالَ : أَخْبِرْنِي مَا فَرَضَ اللَّهُ عَلَيَّ مِنَ الصِّيَامِ ؟ فَقَالَ : شَهْرَ رَمَضَانَ ، إِلَّا أَنْ تَطَّوَّعَ شَيْئًا فَقَالَ : أَخْبِرْنِي بِمَا فَرَضَ اللَّهُ عَلَيَّ مِنَ الزَّكَاةِ ؟ فَقَالَ :

فَأَخْبَرَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَرَائِعَ الْإِسْلَامِ ، قَالَ : وَالَّذِي أَكْرَمَكَ لَا أَتَطَوَّعُ شَيْئًا وَلَا أَنْقُصُ مِمَّا فَرَضَ اللَّهُ عَلَيَّ شَيْئًا ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَفْلَحَ إِنْ صَدَقَ ، أَوْ دَخَلَ الْجَنَّةَ إِنْ صَدَقَ. "

Talhah bin ‘Ubaidillah radiallahu ‘anhu meriwayatkan bahawa seorang lelaki Badwi datang menemui Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam dalam keadaan rambut yang kusut masai, lalu bertanya: Ya Rasulullah, beritahu kepada aku apakah yang Allah wajibkan ke atas ku daripada solat? Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: Selawat lima waktu kecuali jika engkau mahu melakuka solat sunat. Beliau bertanya lagi: Beritahu aku tentang apa yang Allah wajibkan ke atas ku daripada puasa? Lalu baginda menjawab: **Puasa Ramadhan melainkan jika engkau ingin melakukan yang sunat**. Dia bertanya lagi: Beritahu aku apa yang Allah wajibkan ke atas ku daripada zakat? Lalu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam pun memberitahu dia tentang hukum-hakam Islam. Lelaki itu pun berkata: Demi Tuhan yang memuliakan engkau. Aku tidak akan membuat amalan sunat sedikit pun, dan aku tidak akan mengurangkan apa yang telah Allah wajibkan ke atas ku sedikit pun. Lalu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam berkata: Dia akan berjaya atau masuk syurga dia jika benar. [Sahih al-Bukhari, Kitab as-Sawm, hadis no: 1767]

Cara Penentuan Masuknya Ramadhan

Ia melalui dua cara;

Pertama: Melihat anak bulan

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 185:

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ

Sesiapa di kalangan kalian yang melihat bulan, hendaklah dia puasa.

Kedua: Menggenapkan Sya’ban menjadi tiga puluh hari

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " الشَّهْرُ تِسْعٌ وَعِشْرُونَ لَيْلَةً ، فَلَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْهُ ، فَإِنْ غُمَّ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا الْعِدَّةَ ثَلَاثِينَ

‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Hari dalam sebulan itu ada dua puluh sembilan malam. Janganlah kalian berpuasa sehingga kalian melihat anak bulan. Jika kalian tidak dapat melihatnya, maka sempurnakanlah ia menjadi tiga puluh hari [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1783]

Syarat Wajib Puasa

1) Islam

Orang bukan Muslim tidak wajib berpuasa dan tidak sah puasanya. Pada hari akhirat kelak mereka akan dihukum di atas kekufuran mereka dan di atas dosa meninggalkan kewajipan berpuasa dan kewajipan yang lain.

2) Mukallaf

عَنْ عَائِشَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلاَثٍ عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الصَّغِيرِ حَتَّى يَكْبُرَ وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْقِلَ أَوْ يَفِيقَ " .

Daripada ‘Aisyah radiallahu ‘anha, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: Telah diangkat pena daripada tiga golongan: 1) Orang tidur sehingga dia terjaga, (2) kanak-kanak sehingga dia dewasa, (3) dan orang gila sehingga dia berakal. [Sunan an-Nasaie, Kitab at-Thalaq, hadis no: 3432]

3) Terbebas daripada keuzuran yang menghalang daripada berpuasa dan keuzuran yang memberikan rukhsah untuk berbuka.

A- Uzur yang menghalang daripada berpuasa

1- Haidh dan nifas walaupun seketika pada siang hari.

2- Hilang akal sepanjang hari. Jika hanya hilang akal seketika, maka dia wajib berpuasa pada waktu dirinya kembali waras.

B- Uzur yang memberikan rukhsah untuk berbuka

1- Sakit yang memudharatkan jika dia berpuasa

2- Musafir

3- Tidak mampu berpuasa

Syarat Sah Puasa

1- Islam

2- Berakal. Tidak sah puasa kanak-kanak yang belum mumayyiz kerana mereka berpuasa tanpa niat ibadah.

3- Suci daripada haidh dan nifas.

Rukun Puasa

1) Niat.

Secara umumnya, semua ibadah hendaklah dilakukan dalam keadaan kita mempunyai niat untuk melakukan ibadah itu. Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

" إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى ، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا ، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ. "

Sesungguhnya setiap perbuatan itu mestilah dengan niat. Sesungguhnya untuk setiap orang apa yang dia niatkan. Sesiapa yang hijrahnya kerana mahu memperolehi dunia, atau kerana perempuan yang mahu dia nikahi, maka hijrahnya adalah untuk apa yang dia hijrah kepadanya [Sahih al-Bukhari, Bab Bad’ul Wahyi, hadis no: 1]

Dalam sebuah riwayat mauquf disebutkan:

مَنْ لَمْ يُجْمِعِ الصِّيَامَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلَا صِيَامَ لَهُ

Sesiapa yang tidak berniat untuk puasa sebelum fajar, maka tiada puasa untuknya. [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Sawm, hadis no: 661]

Bolehkah niat di siang hari untuk puasa sunat?

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ ، قَالَتْ : دَخَلَ عَلَيَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ ، فَقَالَ : " هَلْ عِنْدَكُمْ شَيْءٌ " ، فَقُلْنَا : لَا ، قَالَ : " فَإِنِّي إِذَنْ صَائِمٌ " ، ثُمَّ أَتَانَا يَوْمًا آخَرَ ، فَقُلْنَا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، أُهْدِيَ لَنَا حَيْسٌ ، فَقَالَ : " أَرِينِيهِ فَلَقَدْ أَصْبَحْتُ صَائِمًا ، فَأَكَلَ. "

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam masuk menemuiku pada suatu hari, lalu berkata: Adakah kalian memiliki sesuatu (makanan)? Kami menjawab: Tidak. Baginda pun berkata: Maka, jika begitu aku puasa. Kemudian baginda datang menemui kami pada hari yang lain, lalu kami berkata: Sejenis makanan telah dihadiahkan kepada kami. Lalu baginda berkata: Tunjukkan makanan itu kepada aku, sesungguhnya aku telah berpuasa sejak pagi. Lalu baginda pun memakannya. [Sahih Muslim, Kitab al-Siyam, hadis no: 1958]

Berdasarkan dua riwayat ini, sebahagian ulama menyatakan niat sebelum fajar hanya wajib untuk puasa yang wajib, manakala hadis ‘Aisyah pula menunjukkan boleh niat di siang hari untuk puasa sunat. Antara yang berpegang boleh niat puasa sunat di siang hari ialah sahabat seperti ‘Abdullah bin Mas’ud, Ibn ‘Abbas, Abu Ayyub, Abu ad-Darda’, Huzaifah dan Abu Talhah radiallahu ‘anhum.

Wajibkah Niat Setiap Malam Ramadhan?
Majoriti ulama menyatakan wajib kerana puasa pada hari-hari itu merupakan ibadah yang berbeza-beza dan terpisah.

Manakala mazhab Malik dan satu riwayat Ahmad berpendapat cukup dengan satu niat untuk seluruh bulan Ramadhan.

2) **Menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa sejak terbit fajar sehingga terbenam matahari.**

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 187:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتِمُّوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ

Makan dan minumlah sehingga jelas kepada kamu benang puntih daripada benang hitam daripada waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa sehingga malam.

Pembatal-Pembatal Puasa

Dr. Yusuf al-Qaradawi menyatakan pembatal yang disepakati oleh ulama ialah makan, minum dan bersetubuh. Ini berdasarkan firman Allah surah al-Baqarah 187.

1- Makan dan minum dengan sengaja

Jika seseorang makan dan minum kerana lupa sedang berpuasa, maka dia hanya perlu meneruskan puasanya apabila ingat, puasanya sah, dan tidak perlu qadha.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِذَا نَسِيَ فَأَكَلَ وَشَرِبَ ، فَلْيُتِمَّ صَوْمَهُ ، فَإِنَّمَا أَطْعَمَهُ اللَّهُ وَسَقَاهُ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila seseorang lupa lalu dia makan dan minum, hendaklah dia menyempurnakan puasanya. Sesungguhnya Allah telah memberi dia makan dan minum [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1806]

Tersilap waktu?
Bagaimana jika seseorang itu makan kerana menyangka masih belum masuk waktu Subuh, atau menyangka sudah masuk waktu Maghrib?

Terdapat dua pendapat:

Pertama: Wajib qadha. Ini pendapat majoriti ulama iaitu empat mazhab.

Kedua: Tidak perlu qadha. Ini pendapat Ishaq, salah satu riwayat Imam Ahmad, Daud, Ibn Hazm dan majoriti salaf, pendapat Imam al-Muzani daripada mazhab Syafie, dan Ibn Taimiyyah. Inilah pendapat yang kuat menurut pengarang Sahih Fiqh as-Sunnah.

Ini berdalilkan: Surah al-Ahzab ayat 5

عَنْ عَدِيِّ بْنِ حَاتِمٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : " لَمَّا نَزَلَتْ : حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الأَسْوَدِ سورة البقرة آية 187 ، عَمَدْتُ إِلَى عِقَالٍ أَسْوَدَ وَإِلَى عِقَالٍ أَبْيَضَ ، فَجَعَلْتُهُمَا تَحْتَ وِسَادَتِي ، فَجَعَلْتُ أَنْظُرُ فِي اللَّيْلِ فَلَا يَسْتَبِينُ لِي ، فَغَدَوْتُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَذَكَرْتُ لَهُ ذَلِكَ ، فَقَالَ : إِنَّمَا ذَلِكَ سَوَادُ اللَّيْلِ وَبَيَاضُ النَّهَارِ

'Adiy bin Hatim radiallahu 'anhu berkata: Ketika turunya ayat 187 surah al-Baqarah, aku mengambil tali pengikat rambut yang berwarna hitam dan putih. Aku meletakkan keduanya di bawah bantal ku. Aku terus melihatnya sepanjang malam tetapi tidak mendapati apa-apa. Keesokannya aku pergi menemui Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, dan menceritakan hal itu, lalu baginda menjawab: Sesungguhnya ia bermaksud kegelapan malam, dan putihnya siang [Sahih al-Bukhari, Kitab as-Sawm, hadis no: 1792]

Jika seseorang makan pada waktu sahur, tanpa menyedari telah masuk waktu Subuh. Apabila dia sedar telah masuk waktu Subuh, hendaklah dia berhenti makan. Jika dia meneruskan makannya apabila sedar telah masuk waktu, maka batallah puasanya.

Jika seseorang makan kerana menyangka telah masuk waktu Maghrib, lalu menyedari sebenarnya belum masuk waktu, hendaklah dia berhenti makan. Jika dia meneruskan makannya apabila telah sedar belum masuk waktu, maka batallah puasanya.

Hal di atas hanya berlaku untuk kes tersilap. Tetapi jika seseorang makan **dalam keadaan syak**, ia ada dua keadaan.

Pertama: Jika dia makan sahur dalam keadaan syak sudah masuk waktu Subuh atau belum. Maka sah puasanya kerana pada asalnya masih belum masuk waktu Subuh.

Kedua: Jika seseorang berbuka puasa dalam keadaan syak sudah masuk waktu Maghrib atau belum. Maka tidak sah puasanya kerana pada asalnya masih belum masuk waktu Maghrib.

2- Muntah dengan sengaja

Jika tidak sengaja, maka sah puasanya tanpa khilaf.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنْ ذَرَعَهُ الْقَيْءُ فَلَيْسَ عَلَيْهِ قَضَاءٌ ، وَمَنِ اسْتَقَاءَ عَمْدًا فَلْيَقْضِ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang muntah dengan tidak sengaja, maka dia tidak perlu qadha, sesiapa yang muntah dengan sengaja, wajib dia mengqadha puasa [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Sawm, hadis no: 652, hasan gharib]

3- Haidh dan Nifas

Batal puasa seseorang walaupun darah haidh atau nifas itu keluar di hujung waktu sebelum masuknya waktu Maghrib. Wajib diqadha pada hari lain. Ini merupakan ijma’ ulama.

4- Mengeluarkan mani dengan sengaja

Iaitu mengeluarkan air mani dengan sengaja melalui bukan cara persetubuhan seperti dengan tangan, mencium atau selainnya dengan niat untuk memuaskan nafsu. Wajib ke atasnya qadha. Ini merupakan pendapat majoriti ulama, dan Ibn Hazm berpendapat tidak batal puasa.

Pendapat majoriti lah yang benar berdasarkan hadis berbunyi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، " أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : الصِّيَامُ جُنَّةٌ ، فَلَا يَرْفُثْ ، وَلَا يَجْهَلْ ، وَإِنِ امْرُؤٌ قَاتَلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ ، فَلْيَقُلْ : إِنِّي صَائِمٌ مَرَّتَيْنِ ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَخُلُوفُ فَمِ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ تَعَالَى مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ ، يَتْرُكُ طَعَامَهُ ، وَشَرَابَهُ ، وَشَهْوَتَهُ مِنْ أَجْلِي الصِّيَامُ لِي ، وَأَنَا أَجْزِي بِهِ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا"

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Puasa itu perisai. Janganlah melakukan perkara keji dan bodoh. Jika seseorang mengajaknya bergaduh atau mencercanya, hendaklah dia berkata: Sesungguhnya aku berpuasa sebanyak dua kali. Demi Tuhan yang diri ku berada di TanganNya. Bau mulut orang yang berpuasa lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi. (Allah berkata): Orang yang berpuasa itu meninggalkan makan, minum **dan syahwatnya** kerana Aku. Puasa itu milik Ku, dan Aku lah yang akan memberi ganjarannya, dan ganjaran kebaikan itu sepuluh kali ganda [Sahih al-Bukhari, Kitab as-Sawm, hadis no: 1770]

5- Murtad

Tiada perbezaan pendapat dalam hal ini, kerana Islam merupakan syarat diterimanya sesuatu amal.

6- Bersetubuh di siang Ramadhan

أَخْبَرَنِي حُمَيْدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ ، أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : " بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ جَاءَهُ رَجُلٌ ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، هَلَكْتُ ، قَالَ : مَا لَكَ ؟ قَالَ : وَقَعْتُ عَلَى امْرَأَتِي وَأَنَا صَائِمٌ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : هَلْ تَجِدُ رَقَبَةً تُعْتِقُهَا ؟ قَالَ : لَا ، قَالَ : فَهَلْ تَسْتَطِيعُ أَنْ تَصُومَ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ ؟ قَالَ : لَا ، فَقَالَ : فَهَلْ تَجِدُ إِطْعَامَ سِتِّينَ مِسْكِينًا ؟ قَالَ : لَا ، قَالَ : فَمَكَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبَيْنَا نَحْنُ عَلَى ذَلِكَ

، أُتِيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعَرَقٍ فِيهَا تَمْرٌ وَالْعَرَقُ الْمِكْتَلُ ، قَالَ : أَيْنَ السَّائِلُ ؟ فَقَالَ : أَنَا ، قَالَ : خُذْهَا فَتَصَدَّقْ بِهِ ، فَقَالَ الرَّجُلُ : أَعَلَى أَفْقَرَ مِنِّي يَا رَسُولَ اللَّهِ ، فَوَاللَّهِ مَا بَيْنَ لَابَتَيْهَا يُرِيدُ الْحَرَّتَيْنِ أَهْلُ بَيْتٍ أَفْقَرُ مِنْ أَهْلِ بَيْتِي ، فَضَحِكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى بَدَتْ أَنْيَابُهُ ، ثُمَّ قَالَ : أَطْعِمْهُ أَهْلَكَ"

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Ketika kami sedang duduk bersama Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam, datang kepada baginda seorang lelaki, lalu berkata: Ya Rasulullah. Aku telah binasa! Lalu baginda bertanya: Apa hal engkau ni? Lelaki itu menjawab: Aku telah menggauli isteri ku sedangkan aku berpuasa. Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bertanya: Adakah engkau mempunyai hamba untuk dibebaskan? Dia menjawab: Tiada. Baginda bertanya lagi: Adakah engkau mampu berpuasa dua bulan berturut-turut? Lelaki itu menjawab: Tidak. Baginda bertanya lagi: Adakah engkau mempunyai makanan untuk enam puluh orang miskin? Dia menjawab: Tiada. Baginda mendiamkan dan ketika kami dalam keadaan begitu, baginda sallallahu ‘alaihi wasallam diberikan sebakul kurma. Baginda bertanya: Di mana orang yang bertanya tadi? Lelaki itu menjawab: Aku! Baginda berkata: Ambillah kurma ini, dan sedekahlah dengannya. Lelaki itu menjawab: Adakah ada yang lebih miskin daripada aku ya Rasulullah? Demi Allah, tiada sesiapa di antara dua bukit ini yang keluarganya lebih miskin daripada keluarga aku. Lalu baginda sallallahu ‘alaihi wasallam ketawa, sehingga kelihatan giginya. Kemudian baginda berkata: Berilah ia kepada keluarga engkau. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1809]

Mereka yang bersetubuh di siang hari Ramadhan dengan sengaja, maka wajib ke atasnya qadha dan kafarah.

Adakah kafarah hanya untuk lelaki sahaja?
Di dalam hadis di atas, Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam hanya menyuruh si lelaki melakukan kafarah tanpa menyuruh si perempuan. Ulama berbeza pendapat dalam hal ini.

Pertama: Wanita tidak perlu kafarah. Ini pendapat mazhab Syafie, Ahmad. Antara hujah mereka ialah:

- Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam tidak menyuruh si isteri kafarah, sedangkan jika ia wajib, pasti baginda sallallahu ‘alaihi wasallam tidak akan mendiamkannya.

Kedua: Lelaki dan perempuan wajib kafarah. Ini merupakan pendapat Abu Hanifah, Malik, dan salah satu pendapat Imam Ahmad. Hujah mereka ialah:

- untuk mengkhususkan sesuatu hukum kepada lelaki sahaja, ia memerlukan dalil.

- ketiadaan arahan nabi sallallahu ‘alaihi wasallam kepada si perempuan untuk kafarah boleh jadi kerana si perempuan ketika itu tidak berpuasa kerana sesuatu keuzuran.

- Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam hanya menyebutkan perihal lelaki kerana yang hadir meminta fatwa itu ialah si lelaki.

Akan tetapi jika seorang wanita atau lelaki itu dipaksa, lupa, atau tidak tahu. Maka tidak perlu qadha dan kafarah. Ini merupakan pendapat Abu Hanifah, al-Syafie dan Ahmad.

Wajibkah Tertib dalam Kafarah

Majoriti ulama mewajibkan mengikut turutan dalam kafarah. Ia bermaksud tidak boleh seseorang itu berpuasa dua bulan berturut-turut jika dia mampu membebaskan hamba. Tidak boleh juga dia memberi makan enam puluh orang miskin melainkan jika dia tidak mampu berpuasa.

Imam Malik pula berpendapat boleh memilih salah satu cara kafarah. Ini berdasarkan hadis berikut:

عَنْ حُمَيْدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ ، أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ حَدَّثَهُ : " أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ رَجُلًا أَفْطَرَ فِي رَمَضَانَ أَنْ يُعْتِقَ رَقَبَةً ، أَوْ يَصُومَ شَهْرَيْنِ ، أَوْ يُطْعِمَ سِتِّينَ مِسْكِينًا

Abu Hurairah berkata bahawa Nabi sallallahu 'alaihi wasallam menyuruh seorang lelaki yang berbuka dalam Ramadhan untuk membebaskan hamba, atau berpuasa dua bulan atau memberi makan enam puluh orang miskin. [Sahih Muslim, Kitab al-Siyam, hadis no: 1879]

Majoriti ulama mentarjihkan hadis riwayat al-Bukhari kerana yang meriwayatkannya lebih ramai dan kerana ia lebih selamat.

Jika Diulangi Jima'

1- Jika jima' di siang Ramadhan itu dilakukan lagi pada siang Ramadhan yang lain, maka kafarah itu wajib digandakan mengikut jumlah hari dilakukan maksiat tersebut.

2- Jika jima' di siang Ramadhan itu diulangi pada hari yang sama, maka cukup dengan satu kafarah sahaja.

7- Memasukkan sesuatu ke dalam rongga

Perkara Yang Tidak Membatalkan Puasa

1) Masuk waktu Subuh dalam keadaan belum mandi wajib

أَنَّ عَائِشَةَ ، وَأُمَّ سَلَمَةَ أَخْبَرَتَاهُ : " أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُدْرِكُهُ الْفَجْرُ وَهُوَ جُنُبٌ مِنْ أَهْلِهِ ، ثُمَّ يَغْتَسِلُ وَيَصُومُ"

'Aisyah dan Ummu Salamah radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam memasuki waktu Subuh dalam keadaan dia sudah berjunub dengan isterinya. Kemudian baginda mandi dan berpuasa [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1800]

2) Memeluk dan mencium isteri jika tidak ditakuti akan keluar mani

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، قَالَتْ : "كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقَبِّلُ وَيُبَاشِرُ وَهُوَ صَائِمٌ ، وَكَانَ أَمْلَكَكُمْ لِإِرْبِهِ

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam mencium dan bermesra (dengan isterinya) dalam keadaan berpuasa, dan dia adalah yang paling mampu menahan nafsunya [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1801]

3) Mandi di siang Ramadhan

قَالَ أَبُو بَكْرٍ : قَالَ الَّذِي حَدَّثَنِي : لَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْعَرْجِ يَصُبُّ عَلَى رَأْسِهِ الْمَاءَ وَهُوَ صَائِمٌ مِنَ الْعَطَشِ أَوْ مِنَ الْحَرِّ.

Abu Bakar bin ‘Abdul Rahman berkata: Sahabat nabi berkata: Aku melihat Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam di al-‘Araj, baginda menyiramkan air di atas kepalanya ketika berpuasa untuk menghilangkan dahaga atau kerana panas [Sunan Abi Daud, Kitab as-Sawm, hadis no: 2021]

4) Berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung dengan tidak berlebihan

حَدَّثَنِي إِسْمَاعِيل بْنُ كَثِيرٍ ، قَال : سَمِعْتُ عَاصِمَ بْنَ لَقِيطِ بْنِ صَبِرَةَ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ أَخْبِرْنِي عَنِ الْوُضُوءِ ، قَالَ : " أَسْبِغْ الْوُضُوءَ ، وَخَلِّلْ بَيْنَ الْأَصَابِعِ ، وَبَالِغْ فِي الِاسْتِنْشَاقِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ صَائِمًا " . قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Laqith bin ‘Amir radiallahu ‘anhu berkata: Ya Rasulullah, ceritakan kepada ku tentang wudhu. Baginda menjawab: Sempurnakan wudhu, sela-selalah celah jari-jemari, bersungguh-sungguhlah kamu menyedut air ke dalam hidung kecuali jika sedang berpuasa. [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Sawm, hadis no: 717, hasan sahih]

Jika seseorang itu berkumur atau memasukkan air ke dalam hidung tanpa berlebihan, lalu termasuk sebahagian air ke dalam kerongkongnya tanpa sengaja, maka puasanya sah. Ini merupakan pandangan ulama seperti al-Auzai’e, Ishaq, al-Syafie pada salah satu pendapatnya. Yang menyatakan batal ialah Abu Hanifah dan Imam Malik.

5) Merasai makanan tanpa menelannya

عَنْ عَطَاءٍ ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ ، قَالَ : لاَ بَأْسَ أَنْ يَذُوقَ الْخَلَّ ، أَوِ الشَّيْءَ مَا لَمْ يَدْخُلْ حَلْقَهُ وَهُوَ صَائِمٌ.

Ibn ‘Abbas radiallahu ‘anhuma berkata: Tidak mengapa apabila merasai cuka atau sesuatu selagi ia tidak masuk ke dalam kerongkong ketika puasa [Musannaf Ibn Abi Syaibah, no: 9369]

Ibn Taimiyyah berkata: Merasai makanan adalah makruh apabila tanpa keperluan, tetapi ia tidak membatalkan puasa. Adapun jika ada keperluan, maka ia seperti hukum memasukkan air ke dalam hidung…

6- Berbekam dan Menderma Darah

عَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيجٍ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " أَفْطَرَ الْحَاجِمُ وَالْمَحْجُومُ. "

Rafi' bin Khadij radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Batallah puasa orang yang berbekam dan dibekam [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Sawm, hadis no: 704, hasan sahih]

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، " أَنّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ احْتَجَمَ وَهُوَ مُحْرِمٌ ، وَاحْتَجَمَ وَهُوَ صَائِمٌ. "

Ibn 'Abbas radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam berbekam ketika dalam keadaan ihram, dan berbekam dalam keadaan berpuasa [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1811]

Berpendapat batal: Imam Ahmad, Ibn Sirin, 'Atho', Al-Auzai'e, Ishaq, Ibn al-Munzir, Ibn Khuzaimah, Ibn Taimiyyah. Begitu juga para sahabat seperti 'Ali, Abu Hurairah dan 'Aisyah radiallahu 'anhum. Mereka berhujah dengan hadis Rafi'. Imam Ahmad berpendapat hadis riwayat al-Bukhari di atas lemah.

Tidak batal: Ini pendapat majoriti iaitu Abu Hanifah, Malik, al-Syafie dan selain mereka. Begitu juga para sahabat seperti Ibn Mas'ud, Ibn 'Umar, Ibn 'Abbas, Anas, Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhum dan sekelompok ulama salaf. Mereka berhujah dengan riwayat Ibn 'Abbas di atas. Mereka berkata hadis Rafi' telah mansukh, ini merupakan kalam Imam an-Nawawi, Imam al-Syafie, al-Baihaqi, Ibn 'Abdil Barr dan selain mereka. Mereka juga mendhaifkan hadis Rafi'.

Mereka juga berdalilkan riwayat di bawah:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ ، " أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَخَّصَ فِي الْحِجَامَةِ لِلصَّائِمِ

Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam memberikan keringanan untuk berbekam ketika puasa. [Imam an-Nasaie dalam al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Siyam, hadis no: 3155, hadis ini diperselisihkan kesahihannya]

Mereka juga menyatakan bahawa berbekam hanya dimakruhkan kerana ia menyebabkan badan lemah. Ini berdasarkan riwayat ini:

سُئِلَ أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، " أَكُنْتُمْ تَكْرَهُونَ الْحِجَامَةَ لِلصَّائِمِ ؟ قَالَ : لَا ، إِلَّا مِنْ أَجْلِ الضَّعْفِ " ، وَزَادَ شَبَابَةُ ، حَدَّثَنَا شُعْبَةُ ، عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Anas bin Malik radiallahu 'anhu ditanya: Adakah kalian tidak suka melakukan bekam bagi orang yang berpuasa? Anas menjawab: Tidak, melainkan kerana sebab ia melemahkan [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1813]

Termasuk di dalam perkara ini ialah bab menderma darah. Ia dimakruhkan kerana ia melemahkan badan yang sudah sedia tidak bertenaga kerana puasa.

7- Menggosok gigi

Ulama sepakat menggosok gigi tidak membatalkan puasa. Hanya sahaja sebahagian daripada mereka seperti mazhab Syafie dan Hanbali memakruhkan menggosok gigi selepas tergelincir matahari agar ia tidak menghilangkan bau mulut orang berpuasa. Ini berdasarkan dalil di bawah:

، لَخُلُوفُ فَمِ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ ،

Sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa lebih harum di sisi Allah daripada haruman kasturi. [Sahih al-Bukhari, Kitab as-Sawm, hadis no: 1780]

Manakala ulama yang lain berpendapat menggosok gigi adalah sunnah walau ketika berpuasa kerana keumuman galakan menggosok gigi serta terdapat beberapa riwayat dhaif menunjukkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam menggosok gigi.

8- Menelan Kahak atau Hingus

Tidak batal. Ini pendapat mazhab Hanafi, Maliki, Ahmad. Ini kerana ia berasal daripada dalam tubuh dan bukan bahagian luar, ia sama seperti air liur.

Batal: Ini merupakan pendapat mazhab Syafie dan Hanbali. Hanya dibenarkan untuk menelannya jika ia belum sampai ke mulut. Jika sudah di mulut, batal jika menelannya.

Orang Yang Haram Berpuasa

1- Haidh dan Nifas

Ulama sepakat bahawa wanita yang haidh atau nifas tidak sah puasanya, dan haram berpuasa. Dia wajib mengqadha selepas suci.

عَنْ مُعَاذَةَ ، قَالَتْ : " سَأَلْتُ عَائِشَةَ ، فَقُلْتُ : مَا بَالُ الْحَائِضِ ، تَقْضِي الصَّوْمَ ، وَلَا تَقْضِي الصَّلَاةَ ؟ فَقَالَتْ : أَحَرُورِيَّةٌ أَنْتِ ؟ قُلْتُ : لَسْتُ بِحَرُورِيَّةٍ ، وَلَكِنِّي أَسْأَلُ ، قَالَتْ : كَانَ يُصِيبُنَا ذَلِكَ فَنُؤْمَرُ بِقَضَاءِ الصَّوْمِ ، وَلَا نُؤْمَرُ بِقَضَاءِ الصَّلَاةِ. "

Muazah berkata: Aku bertanya kepada ‘Aisyah: Kenapa wanita haidh perlu mengqadha puasa dan tidak perlu mengqadha solat? ‘Aisyah menjawab: Engkau ini golongan al-Haruriyyah kah? Muazah menjawab: Aku bukan daripada golongan al-Haruriyyah, akan tetapi aku sekadar bertanya. Lalu ‘Aisyah menjawab: Hal ini sudah berlaku kepada kami, dan kami disuruh untuk mengqadhakan puasa dan tidak disuruh mengqadhakan solat. [Sahih Muslim, Kitab al-Haidhi, hadis no: 513]

Beberapa masalah berkaitan haidh dan nifas:

A- Jika wanita itu baru suci di siang Ramadhan, maka dia tidak perlu berpuasa. Dia boleh makan, minum dan digauli suaminya jika suaminya baru pulang daripada pemusafiran. Beliau tidak perlu imsak untuk sepanjang hari itu.

B- Jika dia suci sebelum masuk waktu Subuh, maka dia berniat puasa, maka sah puasanya walaupun dia hanya mandi wajib selepas masuk waktu Subuh.

C- Bolehkah wanita memakai ubat menghalang haidh dalam Ramadhan supaya dia boleh berpuasa?

Boleh tetapi ia bukanlah perkara yang digalakkan kerana ia satu bentuk berlebih-lebihan. Apatah lagi haidh adalah satu perkara normal yang Allah berikan kepada kaum perempuan. Tetapi jika ia memudharatkan kesihatan, maka tidak boleh dilakukan.

D- Wanita yang mengalami istihadah wajib puasa sebagaimana wajib solat

Qadha Ramadhan

1- Orang yang tidak berpuasa tanpa uzur

Majoriti ulama berpendapat mereka wajib mengqadhakan puasa. Sebahagian mereka berpendapat dia wajib qadha dan membayar kafarah, kerana diqiaskan kepada orang berjima'. Ini merupakan pendapat Ibn al-Mubarak, al-Tsauri, Ishaq dan Abu Hanifah dan Malik. Manakala Imam al-Syafie dan Ahmad berpendapat hanya perlu qadha sahaja. Imam Ibn Hazm pula berpendapat tidak ada qadha kerana puasanya tidak akan diterima selama-lamanya.

2- Perlukah segera mengqadhakan puasa?

Dia tidak wajib untuk dilakukan dengan segera, sebaliknya waktunya adalah luas.

عَنْ أَبِي سَلَمَةَ ، قَالَ : سَمِعْتُ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، تَقُولُ : "كَانَ يَكُونُ عَلَيَّ الصَّوْمُ مِنْ رَمَضَانَ ، فَمَا أَسْتَطِيعُ أَنْ أَقْضِيَهُ إِلَّا فِي شَعْبَانَ الشُّغْلُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، أَوْ بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ"

Abu Salamah radiallahu 'anhu berkata: Aku mendengar 'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Aku mempunyai puasa qadha untuk Ramadhan. Aku tidak mampu mampu untuk mengqadhanya melainkan pada bulan Sya'ban kerana kesibukan aku melayani Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam. [Sahih Muslim, Kitab al-Siyam, hadis no: 1940]

Akan tetapi digalakkan untuk menyegerakan mengqadhanya berdasarkan ayat berikut:

أُولَئِكَ يُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَهُمْ لَهَا سَابِقُونَ

Mereka itulah yang bersegera melakukan kebaikan. Merekalah orang yang mendahului kepada kebaikan [Al-Mukminun : 61]

3- Menunda Qadha sehingga masuk Ramadhan seterusnya

Qadha sahaja. Ini merupakan pendapat Abu Hanifah dan Ibn Hazm.

Qadha dan Fidyah jika sengaja menangguh qadha. Ini pendapat mazhab al-Syafie [Al-Fiqh Al-Manhaji, Al-Umm]

4- Perlukah Berturut-turut

Imam empat mazhab membenarkan untuk memilih melakukan terpisah-pisah atau berturut-turut.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : " يُوَاتِرُهُ إِنْ شَاءَ

Abu Hurairah berkata: Dia boleh mengganjilkan (puasa)nya jika dia mahu[Musannaf Ibn Abi Syaibah, Kitab al-Siyam, no: 8938]

عَنْ أَنَسٍ ، قَالَ : " إِنْ شِئْتَ فَاقْضِ رَمَضَانَ مُتَتَابِعًا وَإِنْ شِئْتَ مُتَفَرِّقًا

Anas berkata: Jika dia mahu, dia boleh mengqadha puasa Ramadhan berturut-turut, dan jika mahu, boleh juga berpisah-pisah. [Musannaf Ibn Abi Syaibah, Kitab al-Siyam, no: 8909]

5- Mati sebelum qadha

Ulama berbeza pendapat adakah walinya perlu berpuasa untuknya.

Pertama: Tidak perlu puasa untuknya. Ini mazhab Abu Hanifah dan anak muridnya, Malik dan al-Syafie. Antara hujah mereka:

وَأَنْ لَيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى

Seseorang itu tidak mendapat apa-apa melainkan untuk apa yang dia kerjakan. [An-Najm : 39]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ ، إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ"

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila mati seorang insan, maka terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara iaitu: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan, dan anak soleh yang mendoakannya. [Sahih Muslim, Kitab al-Wasiyyah, hadis no: 3092]

عَنْ مَالِك ، أَنَّهُ بَلَغَهُ ، أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ كَانَ يُسْأَلُ : هَلْ يَصُومُ أَحَدٌ عَنْ أَحَدٍ أَوْ يُصَلِّي أَحَدٌ عَنْ أَحَدٍ ؟ فَيَقُولُ : " لَا يَصُومُ أَحَدٌ عَنْ أَحَدٍ ، وَلَا يُصَلِّي أَحَدٌ عَنْ أَحَدٍ

Abdullah bin Umar radiallahu ‘anhuma ditanya: Adakah perlu seseorang berpuasa atau solat untuk orang lain? Beliau menjawab: Tidak perlu seseorang puasa atau solat untuk orang lain. [al-Muwatta’, Kitab al-Siyam, no: 662]

Wali perlu puasa qadha untuk si mati: Ini pendapat Abi Tsaur, salah satu pendapat al-Syafie, an-Nawawi, Ashabul Hadis, dan Ibn Hazm.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامٌ ، صَامَ عَنْهُ وَلِيُّهُ

'Aisyah radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang mati dalam keadaan ada puasa yang perlu diqadha, hendaklah walinya berpuasa untuknya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1825]

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : " جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنَّ أُمِّي مَاتَتْ وَعَلَيْهَا صَوْمُ شَهْرٍ ، أَفَأَقْضِيهِ عَنْهَا ؟ قَالَ : نَعَمْ ، قَالَ : فَدَيْنُ اللَّهِ أَحَقُّ أَنْ يُقْضَى"

Ibn 'Abbas radiallahu 'anhuma berkata: Seorang lelaki datang kepada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam lalu berkata: Ya Rasulullah, sesungguhnya ibu au telah meninggal dunia, dan dia masih ada puasa yang belum diqadha. Adakah aku perlu qadha untuknya? Baginda menjawab: Ya. Hutang Allah lebih berhak untuk ditunaikan. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1826]

Mereka yang meninggal dalam keadaan ada hutang puasa melihat kepada dua keadaan:

a- Dia tidak mampu mengqadha sehingga meninggal dunia. Maka tidak perlu waris atau orang lain berpuasa untuknya dan si mati tidak berdosa.

b- Dia mempunyai kemampuan mengqadha sebelum mati. Maka waris atau orang lain berpuasa untuknya.

Adakah wajib berpuasa untuk si mati?

Majoriti ulama berkata ia adalah sunat. Terdapat satu riwayat dhaif berkaitan:

عَنْ عَائِشَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامٌ فَلْيَصُمْ عَنْهُ وَلِيُّهُ إِنْ شَاءَ

Diriwayatkan bahawa: Sesiapa yang mati dalam keadaan masih ada puasa qadha, maka hendaklah walinya berpuasa untuknya jika dia mahu. [Majma' az-Zawaid, Kitab al-Siyam, hadis no: 5069, ulama berselisih sama ada ia hasan atau dhaif]

Dibenarkan jika beberapa orang menggantikan puasa seorang yang meninggal dunia. Boleh juga untuk wali membayarkan fidyah buat si mati. [Al-Fiqh Al-Manhaji]

Bolehkah bukan ahli keluarga yang berpuasa untuk si mati?

Boleh. Dengan syarat mendapat keizinan keluarga si mati atau wasiat daripada si mati sendiri [Al-Fiqh Al-Manhaji]

Bolehkah sekadar membayar fidyah buat si mati?

Boleh. Fidyah diambil daripada harta si mati sebagaimana hutang-hutang yang lain. Jika si mati tiada harta, maka orang lain boleh membayarkan untuknya. [Al-Fiqh Al-Manhaji]

‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhuma berkata:

مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامُ شَهْرٍ فَلْيُطْعَمْ عَنْهُ مَكَانَ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِينًا

Sesiapa yang mati dan masih ada kewajipan puasa Ramadhan ke atasnya, hendaklah diberikan makan kepada orang miskin bagi setiap hari itu. [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Sawm, hadis no: 650]

Isu-isu kontemporari berkaitan puasa.

Antara pembatal puasa yang menimbulkan perbezaan pendapat yang besar di kalangan ulama ialah isu rongga. Ia memberikan kesan yang sangat besar khususnya dalam isu-isu berkaitan perubatan di zaman moden.

- **HUKUM RONGGA MENURUT MAZHAB SYAFIE**

Dalam al-Fiqh al-Manhaji disebutkan:
Puasa terbatal apabila sampai sesuatu (‘ain) ke dalam rongga (al-Jauf) melalui liang yang terbuka.

Maksud ‘ain ialah sesuatu yang dapat **dilihat oleh mata**.
Maksud **al-Jauf**: otak ataupun apa yang berada di antara bawah halkum hingga ke perut.
Maksud **liang terbuka**: mulut, telinga, qubul dan dubur, samada lelaki atau perempuan.

Misalnya:
1) Setitik air yang masuk melalui telinga
Setitik air yang masuk melalui telinga membatalkan puasa kerana ia adalah liang yang terbuka. Tetapi setitik air yang masuk ke dalam mata TIDAK membatalkan puasa kerana ia adalah liang yang tidak terbuka.
2) **Suntikan di lubang dubur** membatalkan puasa kerana ia adalah liang yang terbuka. Suntikan pada urat TIDAK membatalkan puasa kerana urat adalah liang yang tidak terbuka. Begitulah seterusnya. Semuanya ini disyaratkan dilakukan dengan sengaja, qiyas kepada makan dan minum.
3) Sekiranya **lalat atau nyamuk, atau debu jalan masuk ke dalam al-Jauf**, maka puasa TIDAK batal. Ini kerana untuk menghindarinya adalah tersangat susah (masyaqqah). Begitu juga dengan menelan air liur. Tetapi jika ia menelan air liur yang bernajis seperti gusi yang luka, walaupun air liur itu jernih dan dia tidak membersihkan mulutnya, maka puasanya batal.
4) Sekiranya dia **berkumur atau memasukkan air ke dalam hidung** dan air itu termasuk ke dalam jauf-nya maka ia tidak batal, kecuali ia melampau.
5) **Tertelan sisa makanan**

Sekiranya terdapat sisa makanan dicelah-celah giginya lalu ia digerakkan oleh air liurnya tanpa sengaja lalu masuk ke dalam perutnya, maka puasanya TIDAK batal.

6) Sekiranya ia **dipaksa untuk makan atau minum**, puasanya juga TIDAK batal. [Al-Fiqh al-Manhaji].

Khilaf Makna *Al-Jauf*

Ulama' berbeza pendapat dalam menentukan *al-Jauf*.

1) Golongan pertama (ulama' Syafei):

Mereka berpendapat **setiap lubang (rongga yang terbuka)** adalah *al-Jauf*, seperti yang telah dijelaskan di atas.

2) Golongan kedua: Mereka mengatakan *Jauf* itu adalah *Batnun*, iaitu **perut** (rongga) semata.

3) Golongan ketiga pula menyempitkan ta'rif *Jauf:*

Mereka mengatakan ia adalah **setiap lubang yang boleh menyampaikan manfaat kepada badan** dari makan dan minum; iaitu yang boleh sampai kepada usus besar (*Ma'idah*) dan usus panjang (*Am'aa'*).

* Pendapat pilihan kebanyakan ulama' semasa ialah pendapat yang ketiga.

Keputusan "Seminar Fekah Perubatan ke 9 yang diadakan di Casablanca, Morroco, 8-11 Safar 1418 bersamaan 14-17 Jun 1997.

Menurut Al-Quran dan Hadis yang sahih daripada Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam, hanya tiga perlakuan yang boleh membatalkan puasa: Makan, minum, dan melakukan hubungan seks. Oleh yang sedemikian, apa-apa bahan yang dapat melalui rongga ke salur makanan samada berbentuk pepejal atau cecair dalam apa jumlah sekalipun, ianya boleh membatalkan puasa.

Menurut ahli majlis/peserta seminar tersebut telah sepakat bersetuju bahawa perkara-perkara berikut **TIDAK MEMBATALKAN PUASA.**

1- Ubat titis mata, titis telinga dan basuh telinga.

2- Ubat tablet bawah lidah yang digunakan oleh pesakit Angina (Jantung).

3- Memasukkan ubat melalui faraj, memasukan alat perubatan, membasuh, spekulum dan jari doktor atau bidan semasa pemeriksaan vagina (sebelum bersalin).

4- Memasukkan teropong ke salur kencing lelaki atau perempuan untuk penyediaan x-ray.

5- Menampal, mencabut, mengorek dan mencuci gigi atau menggunakan alatan dan berus gigi, dengan syarat TIADA apa-apa bahan yang memasuki perut dari prosedur tersebut.

6- Suntikan melalui kulit, otot, sendi atau pembuluh darah, KECUALI memberi makanan melalui pembuluh darah (seperti: glukos yang mengenyangkan).

7- Penderma atau menerima pemindahan darah.

8- Oksigen dan Gas Bius.

9- Semua jenis bahan yang boleh menyerap kedalam badan melalui kulit seperti krim, jelly atau plaster berubat.

10- Mengambil sampel darah untuk ujian makmal.

11- Sesalur dan bahan perantara untuk arteriografi (pemeriksaan x-ray khas jantung) atau organ lain.
12- Teropong dalam rongga perut (endiskopi) untuk mencari punca penyakit.
13- Membasuh mulut, berkumur atau semburan mulut, dengan syarat tiada bahan masuk kedalam perut.
14- Teropong ke dalam salur peranakan atau memasukkan alat kedalamnya. (contoh; UICD- alat pencegah kehamilan dalam rahim)
15- Mengambil tisu (biopsi) hati atau organ lain.

Pendapat majoriti juga menyatakan perkara berikut juga tidak membatalkan puasa:

1- Ubat titis hidung, semburan hidung (inhalers) dan ubat sedut.
2- Suntikan ke dalam dubur, teropong dan pemeriksaan digital ke dalam dubur.
3- Pembedahan yeng melibatkan bius sepenuhnya jika pesakit mengambil keputusan (berniat) untuk berpuasa pada malamnya.
4- Mesin atau dialisis buah pinggang melalui perut.
5- Penggunaan teropong perut, dengan syarat tidak memasukkan apa-apa bahan cecair atau bahan seumpamanya kedalam perut. Hal Yang Tidak Membatalkan Puasa

Keringanan Untuk Tidak Berpuasa

1- Orang yang sakit

Ulama bersepakat bahawa orang yang sakit boleh berbuka puasa. Ini berdasarkan firman Allah

وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

Sesiapa yang sakit atau bermusafir, hendaklah dia menggantikan pada hari yang lain [Al-Baqarah : 185]

Keadaan orang yang sakit

a- Sakit yang ringan sahaja yang tidak bertambah sakit sebab puasa, dan tidak juga cepat sembuh jika tidak berpuasa seperti selesema yang ringan, pening kepala yang sedikit, sakit gigi dan selainnya. Untuk keadaan ini tidak boleh berbuka.

b- Puasa akan menyebabkan bertambah sakit, atau melambatkan sembuh, atau sakit itu menyebabkan dia sukar berpuasa, tetapi jika puasa tidaklah memudharatkannya. Digalakkan dia tidak berpuasa dan makruh puasa.

c- Sakit yang jika dia berpuasa, itu akan membahayakan dirinya. Maka haram dia berpuasa.

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Janganlah kalian membunuh diri kalian. Sesungguhnya Allah sangat sayang kepada kalian [an-Nisa' : 29]

Bolehkah orang yang sihat tidak berpuasa apabila diketahui puasa itu akan menyebabkan dia sakit?

Boleh kerana situasinya sama seperti situasi B.

2- Musafir

Seseorang yang bermusafir boleh tidak berpuasa berdasarkan firman Allah

وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

Sesiapa yang sakit atau bermusafir, hendaklah dia menggantikan pada hari yang lain [Al-Baqarah : 185]

Majoriti ulama daripada para sahabat, tabi'in dan empat mazhab berpendapat puasa orang yang musafir sah.

Mana lebih afdhal bagi musafir: Puasa atau Berbuka?

a- Jika puasa itu memberatkan dia, atau menghalangnya daripada membuat hal kebaikan yang lain, maka berbuka lebih afdhal.

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ ، قَالَ : " كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ ، فَرَأَى زِحَامًا وَرَجُلًا قَدْ ظُلِّلَ عَلَيْهِ ، فَقَالَ : مَا هَذَا ؟ فَقَالُوا : صَائِمٌ ، فَقَالَ : لَيْسَ مِنَ الْبِرِّ الصَّوْمُ فِي السَّفَرِ. "

Jabir bin Abdullah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bermusafir, lalu baginda melihat sekelompok manusia, dan seorang lelaki berteduh pada mereka. Baginda bertanya: Apa ini? Mereka menjawab: Lelaki ini berpuasa. Baginda berkata: Tiada kebaikan berpuasa ketika musafir. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1819]

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْثَرُنَا ظِلًّا الَّذِي يَسْتَظِلُّ بِكِسَائِهِ ، وَأَمَّا الَّذِينَ صَامُوا فَلَمْ يَعْمَلُوا شَيْئًا ، وَأَمَّا الَّذِينَ أَفْطَرُوا فَبَعَثُوا الرِّكَابَ وَامْتَهَنُوا وَعَالَجُوا ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " ذَهَبَ الْمُفْطِرُونَ الْيَوْمَ بِالْأَجْرِ. "

Anas radiallahu 'anhu berkata: Kami bersama Nabi sallallahu 'alaihi wasallam. Kebanyakan daripada kami hanya dapat berteduh dengan pakaiannya. Mereka yang berpuasa tidak melakukan apa-apa kerja pun, sedangkan yang tidak berpuasa menjaga haiwan tunggangan, membawakan air dan memberikan rawatan. Baginda sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Mereka yang tidak berpuasa telah membawa pergi pahala pada hari ini. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, hadis no: 2690]

b- Jika puasa itu tidak membebankan dan tidak menghalang dia daripada melakukan kebaikan, maka puasa lebih afdhal.

وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Jika kalian berpuasa, maka itu lebih elok untuk kalian, jika kalian mengetahui. [al-Baqarah: 184]

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : " خَرَجْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي بَعْضِ أَسْفَارِهِ فِي يَوْمٍ حَارٍّ ، حَتَّى يَضَعَ الرَّجُلُ يَدَهُ عَلَى رَأْسِهِ مِنْ شِدَّةِ الْحَرِّ ، وَمَا فِينَا صَائِمٌ إِلَّا مَا كَانَ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَابْنِ رَوَاحَةَ

Abu ad-Darda’ radiallahu ‘anhu berkata: Kami keluar bersama Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam dalam sebahagian musafirnya ketika cuaca panas. Sehinggakan seseorang akan meletakkan tangannya di atas kepalanya kerana kepanasan yang sangat. Tidak ada di kalangan kami yang berpuasa melainkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam dan Ibn Rawahah. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1818]

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، أَنَّ حَمْزَةَ بْنَ عَمْرٍو الْأَسْلَمِيَّ ، قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَأَصُومُ فِي السَّفَرِ ، وَكَانَ كَثِيرَ الصِّيَامِ ؟ فَقَالَ : إِنْ شِئْتَ فَصُمْ ، وَإِنْ شِئْتَ فَأَفْطِرْ. "

‘Aisyah radiallahu ‘anha menceritakan bahawa Hamzah bin ‘Amru al-Aslami berkata kepada Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam: Patutkah aku berpuasa ketika musafir, dia merupakan orang yang banyak berpuasa. Lalu baginda menjawab: Jika engkau mahu, puasalah. Jika engkau mahu, tidak perlu berpuasa. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1816]

c- Jika berpuasa memudharatkan diri mereka maka wajib berbuka dan haram berpuasa.

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ عَامَ الْفَتْحِ إِلَى مَكَّةَ فِي رَمَضَانَ ، فَصَامَ حَتَّى بَلَغَ كُرَاعَ الْغَمِيمِ فَصَامَ النَّاسُ ، ثُمَّ دَعَا بِقَدَحٍ مِنْ مَاءٍ فَرَفَعَهُ حَتَّى نَظَرَ النَّاسُ إِلَيْهِ ، ثُمَّ شَرِبَ فَقِيلَ لَهُ بَعْدَ ذَلِكَ : إِنَّ بَعْضَ النَّاسِ قَدْ صَامَ ، فَقَالَ : " أُولَئِكَ الْعُصَاةُ أُولَئِكَ الْعُصَاةُ

Jabir bin Abdullah meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam keluar pada tahun Fathul Makkah dalam bulan Ramadhan ke Mekah. Baginda berpuasa sehingga baginda tiba di Kura’ al-Ghamim, dan orang ramai pun berpuasa. Kemudian baginda meminta secawan air, lalu baginda mengangkatnya sehingga orang ramai dapat melihat, kemudian baginda meminum air itu. Lalu selepas itu baginda ditanya: Sesungguhnya sebahagian orang masih berpuasa. Baginda menjawab: Mereka melakukan maksiat. Mereka melakukan maksiat. [Sahih Muslim, Kitab al-Siyam, hadis no: 1885]

Jenis musafir yang dibenarkan berbuka

Jika dia mula bermusafir sebelum terbit fajar, maka dia boleh tidak berpuasa. Ini sepakat para ulama.

Jika dia mula bermusafir selepas fajar terbit, ulama berbeza pendapat: Majoriti iaitu Abu Hanifah, Malik, Syafie dan satu riwayat Ahmad menyatakan dia wajib berpuasa.

Imam Ahmad dalam satu riwayat, Ishaq, Al-Hasan, dan Ibn Taimiyyah berpendapat boleh sahaja dia tidak berpuasa walaupun memulakan musafir ketika hari telah siang. Ini berdasarkan keumuman ayat al-Quran, surah al-Baqarah 185 yang sudah disebutkan dan hadis-hadis yang membenarkan berbuka sebelum ini.

Bilakah boleh mula berbuka?

Majoriti ulama hanya membenarkan selepas dia keluar daripada kawasannya kerana sebelum keluar daripada mukimnya, dia belum dikira musafir.

Jika sampai ke tempat bermukim di waktu siang

Jika seseorang bermusafir, dan sampai di mukimnya pada waktu siang. Dia tidak perlu melakukan imsak (iaitu menahan diri daripada melakukan perkara yang membatalkan puasa). Ini merupakan pendapat mazhab Syafie, Malik dan Ibn Mas'ud radiallahu 'anhu.

عَنِ ابْنِ سِيرِينَ ، قَالَ : قَالَ عَبْدُ اللهِ : مَنْ أَكَلَ أَوَّلَ النَّهَارِ فَلْيَأْكُلْ آخِرَهُ.

Ibn Sirin berkata: Abdullah bin 'Umar berkata: Sesiapa yang makan pada awal siangnya, hendaklah dia makan pada akhirnya. [Musannaf Ibn Abi Syaibah, Bab Fi al-Musafir Yaqdamu Awwalan Nahar Min Ramadhan, no: 9435]

Jika seseorang itu pulang daripada musafir di siang hari, dan mendapati isterinya tidak puasa kerana baru suci di siang hari atau keuzuran lain, maka dia boleh bersama dengan isterinya dan tidak perlu membayar kafarah.

Manakala mazhab Hanafi berpendapat dia hendaklah imsak.

3- Orang tua yang tidak mampu berpuasa

Ulama sepakat orang tua dan sakit yang selama-lamanya tidak mampu berpuasa, boleh berbuka dan tidak perlu qadha. Akan tetapi mereka berbeza pendapat adakah wajib membayar fidyah. Majoriti ulama berpendapat wajib membayar fidyah untuk setiap hari dia tidak berpuasa. Imam Malik pula berpendapat hanya sunat sahaja membayar fidyah.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ , فِي قَوْلِهِ عَزَّ وَجَلَّ : وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ سورة البقرة آية 184 يُطِيقُونَهُ : يُكَلَّفُونَهُ , فِدْيَةٌ : طَعَامُ مِسْكِينٍ وَاحِدٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا سورة البقرة آية 184 طَعَامُ مِسْكِينٍ آخَرَ لَيْسَتْ بِمَنْسُوخَةٍ فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ سورة البقرة آية 184 لَا يُرَخَّصُ فِي هَذَا إِلَّا لِلَّذِي لَا يُطِيقُ الصِّيَامَ ، أَوْ مَرِيضٍ لَا يُشْفَى. "

Ibn 'Abbas radiallahu 'anhuma menerangkan tentang firman Allah: Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya [jika mereka tidak berpuasa] membayar fidyah, [iaitu]: memberi makan seorang miskin (al-Baqarah: 184) . Ayat ini tidak dimansukhkan. Keringanan ini tidak diberikan melainkan kepada yang tidak mampu berpuasa, atau sakit yang tidak sembuh. [An-Nasaie dalam al-Sunan al-Sughra, Kitab al-Siyam, hadis no: 2288]

عَنْ سَلَمَةَ بْنِ الْأَكْوَعِ ، قَالَ : " لَمَّا نَزَلَتْ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ سورة البقرة آية 184 ، كان من أراد منا أن يفطر ويفتدي حتى نزلت الآية التي بعدها فنسختها " . قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ

Salamah bin al-Akwa' berkata: Ketika turunnya ayat surah al-Baqarah 184, terdapat sebahagian yang ingin tidak berpuasa dan membayar fidyah sehinggalah turun ayat selepasnya yang memansukhkannya. [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Sawm, hadis no: 727, hasan sahih gharib]

Jumhur sahabat, antaranya Ibn 'Abbas sendiri berpendapat ayat fidyah telah dimansukhkan. Akan tetapi pemansuhan itu hanya berlaku untuk mereka yang mampu berpuasa sahaja. Yang tidak mampu seperti orang tua, maka mereka hanya perlu membayar fidyah. Begitu jugalah orang yang sakit yang tidak akan sembuh.

4- Wanita Hamil dan Menyusukan Anak

Ulama tidak berselisih pendapat bahawa jika seorang ibu yang hamil takutkan keselamatan anak dalam kandungannya, atau ibu yang menyusu takutkan susu tidak cukup untuk bayinya, maka dia boleh berbuka puasa.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، رَجُلٌ مِنْ بَنِي عَبْدِ الْأَشْهَلِ ، وَقَالَ عَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدٍ, مِنْ بَنِي عَبْدِ اللَّهِ بْنِ كَعْبٍ قَالَ : أَغَارَتْ عَلَيْنَا خَيْلُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَأَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَتَغَدَّى ، فَقَالَ : " ادْنُ فَكُلْ " ، قُلْتُ : إِنِّي صَائِمٌ ، قَالَ : " اجْلِسْ أُحَدِّثْكَ عَنِ الصَّوْمِ ، أَوِ الصِّيَامِ ، إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ وَضَعَ عَنِ الْمُسَافِرِ شَطْرَ الصَّلَاةِ ، وَعَنِ الْمُسَافِرِ ، وَالْحَامِلِ ، وَالْمُرْضِعِ الصَّوْمَ ، أَوِ الصِّيَامَ " ، وَاللَّهِ لَقَدْ قَالَهُمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كِلْتَاهُمَا ، أَوْ إِحْدَاهُمَا ، فَيَا لَهْفَ نَفْسِي ، فَهَلَّا كُنْتُ طَعِمْتُ مِنْ طَعَامِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Anas bin Malik radiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa seorang lelaki daripada Bani Abdul al-Asyhal – manakala salah seorang perawi bernama Ali Bin Muhammad berkata dia daripada Bani Abdullah Bin Ka'ab- berkata: Pasukan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menyerang kami, lalu aku pergi menemui Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, ketika baginda sedang menikmati sarapan. Baginda berkata: Makanlah. Aku menjawab: Saya berpuasa. Baginda menjawab: Duduklah. Aku akan menceritakan kepada engkau tentang puasa. Sesungguhnya Allah telah menjadikan separuh solat untuk musafir dan meringkankan puasa bagi musafir, hamil, dan perempuan yang menyusukan anak. Demi Allah baginda menyebutkan kedua-duanya, atau salah satunya. Aku berasa menyesal kerana tidak memakan makanan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam. [Sunan Ibn Majah, Kitab al-Siyam, hadis no: 1657]

Tetapi ulama berbeza pendapat, apa yang mereka perlu lakukan untuk mengganti puasa yang ditinggalkan.

Pertama: Wajib Qadha dan Fidyah (memberi makan orang miskin). Ini merupakan pendapat Imam Malik, Al-Syafie, dan Ahmad. Di sisi mazhab Hanbali dan Syafie, jika mereka tidak berpuasa kerana takutkan keselamatan diri mereka, maka mereka hanya perlu qadha sahaja.

Kedua: Qadha sahaja. Ini mazhab al-Auzai'e, al-Tsauri, Abu Hanifah, Abu Tsaur, Abu 'Ubaid. Mereka berdalilkan hadis yang telah disebutkan yang meletakkan wanita hamil dan menyusu sama dengan musafir. Yang mana musafir hanya perlu qadha sahaja.

Ketiga: Fidyah sahaja. Ini pendapat Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar radiallahu 'anhuma, dan Ishaq bin Rahawiah.

عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ ، أَنَّهُ قَالَ : " رُخِّصَ لِلشَّيْخِ الْكَبِيرِ ، وَالْعَجُوزِ الْكَبِيرَةِ فِي ذَلِكَ وَهُمَا يُطِيقَانِ الصَّوْمَ أَنْ يُفْطِرَا إِنْ شَاءَا ، وَيُطْعِمَا مَكَانَ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِينًا ، ثُمَّ نُسِخَ ذَلِكَ فِي هَذِهِ الآيَةِ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ سورة البقرة آية 185 ، وَثَبَتَ لِلشَّيْخِ الْكَبِيرِ وَالْعَجُوزِ الْكَبِيرَةِ إِذَا كَانَا لا يُطِيقَانِ الصَّوْمَ , وَالْحَامِلِ وَالْمُرْضِعِ إِذَا خَافَتَا أَفْطَرَتَا ، وَأَطْعَمَتَا مَكَانَ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِينًا. "

Ibn 'Abbas berkata: Diberikan keringanan kepada orang tua dan sakit tua untuk berbuka jika mereka mahu. Hendaklah mereka memberi makan kepada orang miskin bagi setiap hari yang ditinggalkan. Kemudian hal ini dinasakhkan oleh ayat 185. Akan tetapi hukum ini kekal untuk orang tua yang tidak mampu berpuasa, begitu juga untuk wanita hamil dan menyusukan anak apabila mereka takut (puasa akan memudharatkan). Hendaklah mereka memberi makan orang miskin untuk setiap hari yang mereka tidak berpuasa.[Imam al-Baihaqi dalam al-Sunan al-Kubra, kitab al-Jumu'ah, hadis no: 7461]

Keempat: Qadha untuk yang hamil, dan fidyah untuk yang menyusukan anak. Ini merupakan pendapat Malik, dan sebahagian ulama Syafiiyyah.

Kelima: Tidak wajib qadha dan fidyah. Ini pendapat Ibn Hazm.

Sunnah Puasa Dan Adabnya

1- Bersahur dan melewatkan sahur

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ صُهَيْبٍ ، قَالَ : سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " تَسَحَّرُوا فَإِنَّ فِي السَّحُورِ بَرَكَةً"

Anas bin Malik radiallahu 'anhu berkata: Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Bersahurlah, sesungguhnya pada sahur itu ada keberkatan [Sahih al-Bukhari, Kitab as-Sawm, hadis no: 1798]

عَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " فَصْلُ مَا بَيْنَ صِيَامِنَا وَصِيَامِ أَهْلِ الْكِتَابِ أَكْلَةُ السَّحَرِ

'Amru bin al-'As radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Pembeza antara puasa kita dan puasa ahli kitab ialah makan sahur [Sahih Muslim, Kitab al-Siyam, hadis no: 1843]

Sunnah Melewatkan Sahur

عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : " تَسَحَّرْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، ثُمَّ قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ ، قُلْتُ : كَمْ كَانَ بَيْنَ الْأَذَانِ وَالسَّحُورِ ؟ قَالَ : قَدْرُ خَمْسِينَ آيَةً

Zaid bin Tsabit radiallahu 'anhu berkata: Kami bersahur bersama Nabi sallallahu 'alaihi wasallam, kemudian baginda bangun mendirikan solat. Aku (iaitu Anas bin Malik) berkata: Berapa lamakah tempoh masa antara azan dan sahur? Zaid menjawab: Pada kadar lima puluh ayat [Sahih al-Bukhari, Kitab as-Sawm, hadis no: 1796]

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، أَنَّهُ قَالَ : " إِنَّ بِلَالًا يُؤَذِّنُ بِلَيْلٍ ، فَكُلُوا وَاشْرَبُوا ، حَتَّى تَسْمَعُوا تَأْذِينَ ابْنِ أُمِّ مَكْتُومٍ

'Abdullah bin 'Umar radiallahu 'anhuma meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Bilal azan di waktu malam, makan dan minumlah sehingga kalian mendengar azan Ibn Ummi Maktum [Sahih Muslim, Kitab as-Siyam, hadis no: 1834]

2- Menyegerakan Berbuka

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " لَا يَزَالُ النَّاسُ بِخَيْرٍ مَا عَجَّلُوا الْفِطْرَ ، عَجِّلُوا الْفِطْرَ فَإِنَّ الْيَهُودَ يُؤَخِّرُونَ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Manusia akan sentiasa dalam kebaikan selagi mana mereka menyegerakan berbuka puasa. Segeralah berbuka puasa, sesungguhnya Yahudi melewatkannya [Sunan Ibn Majah, Kitab as-Siyam, hadis no: 1688]

حَدَّثَنَا ثَابِتٌ الْبُنَانِيُّ ، أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ ، يَقُولُ : "كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُفْطِرُ عَلَى رُطَبَاتٍ قَبْلَ أَنْ يُصَلِّيَ ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ رُطَبَاتٌ فَعَلَى تَمَرَاتٍ ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ حَسَا حَسَوَاتٍ مِنْ مَاءٍ

Anas bin Malik radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam berbuka puasa dengan kurma basah sebelum solat, jika tiada kurma basah, baginda akan makan kurma kering, jika tiada juga baginda akan minum air [Sunan Abi Daud, Kitab al-Sawm, hadis no: 2012]

Ganjaran memberi makan orang berbuka puasa

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ الْجُهَنِيِّ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ فَطَّرَ صَائِمًا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ غَيْرَ أَنَّهُ لَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الصَّائِمِ شَيْئًا"

Zaid bin Khalid al-Juhaini radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang memberi makan berbuka kepada orang yang berpuasa, dia akan mendapat pahala orang yang berpuasa itu tanpa mengurangkan sedikit pun puasa orang yang berpuasa tersebut.

[Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Sawm, hadis no : 734, Imam at-Tirmizi berkata : Hadis hasan sahih]

3- Membanyakkan doa

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " ثَلاثَةٌ لَا تُرَدُّ دَعْوَتُهُمْ : الصَّائِمُ حَتَّى يُفْطِرَ ، وَالْإِمَامُ الْعَادِلُ ، وَدَعْوَةُ الْمَظْلُومِ يَرْفَعُهَا اللَّهُ فَوْقَ الْغَمَامِ ، وَيَفْتَحُ لَهَا أَبْوَابَ السَّمَاءِ ، وَيَقُولُ الرَّبُّ : وَعِزَّتِي لَأَنْصُرَنَّكِ وَلَوْ بَعْدَ حِينٍ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tiga orang yang tidak akan ditolak doa mereka. Iaitu orang yang berpuasa sehingga mereka berbuka, imam yang adil, dan doa orang yang dizalimi. Allah akan mengangkat doa itu ke atas awan, dibuka untuknya pintu-pintu langit, lalu Allah berkata: Demi kekuasaanKu, Aku akan Membantu kamu walau selepas masa yang lama [Sunan at-Tirmizi, Kitab ad-Da’awat, hadis no: 3552, hadis hasan]

Selain daripada doa di atas, dibolehkan jua membaca apa-apa sahaja doa permintaan kita kepada Allah.

4- Membanyakkan sedekah

5- Membanyakkan membaca dan tadarus al-Quran

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ، قَالَ : كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " أَجْوَدَ النَّاسِ وَأَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ وَكَانَ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَام يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ ، فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ"

Ibnu Abbas radiallahu ‘anhuma berkata: "Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam adalah orang yang paling murah hati, lebih-lebih ketika Jibril datang bertemunya pada malam bulan Ramadhan. Jibril datang bertemu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam pada setiap malam Ramadhan dan mengajarnya al-Quran. Sesungguhnya sifat murah hati Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam lebih baik daripada angin yang bertiup." [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Manaqib, hadis no : 3313]

6- Solat Terawih

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Abu Huraira radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang menghidupkan (malam) Ramadhan dengan keimanan dan mengharap (pahala), diampuni dosa-dosanya yang terdahulu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no : 36]

عَنْ عَائِشَةَ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، " صَلَّى فِي الْمَسْجِدِ ذَاتَ لَيْلَةٍ ، فَصَلَّى بِصَلَاتِهِ نَاسٌ ، ثُمَّ صَلَّى مِنَ الْقَابِلَةِ فَكَثُرَ النَّاسُ ، ثُمَّ اجْتَمَعُوا مِنَ اللَّيْلَةِ الثَّالِثَةِ أَوِ الرَّابِعَةِ ، فَلَمْ يَخْرُجْ إِلَيْهِمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَلَمَّا أَصْبَحَ ، قَالَ : قَدْ رَأَيْتُ الَّذِي صَنَعْتُمْ ، فَلَمْ يَمْنَعْنِي مِنَ الْخُرُوجِ إِلَيْكُمْ ، إِلَّا أَنِّي خَشِيتُ أَنْ تُفْرَضَ عَلَيْكُمْ ، قَالَ : وَذَلِكَ فِي رَمَضَانَ. "

‘Aisyah radiallahu ‘anha meriwayatkan bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam solat di masjid pada suatu malam, dan orang ramai pun solat bersama baginda. Kemudian pada malam seterusnya baginda mendirikan solat lagi dan jemaah semakin ramai. Kemudian pada malam ketiga atau keempat orang ramai sudah berkumpul tetapi Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam tidak keluar untuk solat bersama mereka. Apabila hari telah siang, baginda berkata: Aku melihat apa yang kalian lakukan, tidak ada apa yang menghalang aku daripada keluar mendirikan solat bersama kalian melainkan kerana aku takut ia akan diwajibkan ke atas kalian. Perawi berkata: Hal ini berlaku dalam bulan Ramadhan. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1276]

Kelebihan Ikut Imam Sehingga Selesai

عَنْ أَبِي ذَرٍّ ، قَالَ : صُمْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي رَمَضَانَ ، فَلَمْ يَقُمْ ، بِنَا حَتَّى بَقِيَ سَبْعٌ مِنَ الشَّهْرِ ، فَقَامَ بِنَا حَتَّى ذَهَبَ ثُلُثُ اللَّيْلِ ، ثُمَّ لَمْ يَقُمْ بِنَا فِي السَّادِسَةِ ، فَقَامَ بِنَا فِي الْخَامِسَةِ ، حَتَّى ذَهَبَ شَطْرُ ، اللَّيْلِ ، فَقُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، لَوْ نَفَّلْتَنَا بَقِيَّةَ لَيْلَتِنَا هَذِهِ ، فَقَالَ : " إِنَّهُ مَنْ قَامَ مَعَ الإِمَامِ حَتَّى يَنْصَرِفَ ، كُتِبَ لَهُ قِيَامُ لَيْلَةٍ " ثُمَّ لَمْ يَقُمْ بِنَا حَتَّى بَقِيَ ثَلاثٌ مِنَ الشَّهْرِ ، فَقَامَ بِنَا فِي الثَّالِثَةِ ، وَجَمَعَ أَهْلَهِ وَنِسَاءَهُ حَتَّى تَخَوَّفْنَا أَنْ يَفُوتَنَا الْفَلاحُ ، قُلْتُ : وَمَا الْفَلاحُ ؟ قَالَ : السَّحُورُ

Abu Dzar radiallahu ‘anhu berkata: Kami puasa bersama Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam dalam bulan Ramadhan. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam tidak bangun mendirikan solat (malam/terawih) sehinggalah Ramadhan hanya tinggal tujuh hari sahaja. Lalu baginda sallallahu ‘alaihi wasallam pun mendirikan solat (malam/terawih) bersama kami sehingga berlalunya sepertiga malam.

Kemudian apabila malam keenam akhir Ramadhan, baginda sallallahu ‘alaihi wasallam tidak mendirikan solat (terawih) bersama kami. Pada malam kelima akhir Ramadhan, baginda mendirikan solat (terawih) bersama kami hingga berlalunya separuh malam.

Aku (Abu Dzar) berkata: Bagaimana jika kita penuhkan baki malam ini dengan solat sunat?

Baginda menjawab: Sesungguhnya sesiapa yang solat bersama imam hingga selesai, ditulis untuknya (ganjaran) menghidupkan keseluruhan malam. Kemudian, baginda tidak solat (terawih) bersama kami hinggalah masuk malam ketiga akhir Ramadhan, lalu baginda pun solat bersama kami pada malam ketiga akhir itu. Baginda mengumpulkan ahli keluarganya dan isteri-isterinya (untuk solat terawih berjemaah) hingga kami takut-takut jika akan terlepas al-Falah. Seorang perawi bertanya: Apa maksud al-Falah. Dia menjawab: Sahur [Imam an-Nasaie dalam as-Sunan al-Kubra, Kitab Qiyamillail Wa Tathowu’ an-Nahar, hadis no : 1281]

Jumlah Rakaat Terawih

Oleh kerana solat terawih termasuk dalam solat-solat malam. Maka ia dilakukan dua rakaat-dua rakaat tanpa sebarang batasan atau had jumlah rakaat.

عَنْ ابْنِ عُمَرَ ، قَالَ : سَأَلَ رَجُلٌ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ ، مَا تَرَى فِي صَلَاةِ اللَّيْلِ ؟ قَالَ : " مَثْنَى مَثْنَى ، فَإِذَا خَشِيَ الصُّبْحَ صَلَّى وَاحِدَةً فَأَوْتَرَتْ لَهُ مَا صَلَّى ، وَإِنَّهُ كَانَ يَقُولُ : اجْعَلُوا آخِرَ صَلَاتِكُمْ وِتْرًا ، فَإِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِهِ. "

'Abdullah bin 'Umar radiallahu 'anhuma berkata: Seorang lelaki bertanya kepada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam ketika baginda di atas minbar: Apakah pendapat engkau tentang solat malam. Baginda menjawab: Dua rakaat, dua rakaat. Apabila takut akan masuk waktu Subuh, solatlah satu rakaat untuk mengganjilkan bilangan rakaat solatnya. Baginda juga berkata: Jadikanlah akhir solat kalian witir, sesungguhnya baginda menyuruh begitu. [Sahih al-Bukhari, Kitab as-Solat, hadis no: 454]

7- Menahan daripada melakukan maksiat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْجَهْلَ وَالْعَمَلَ بِهِ ، فَلَا حَاجَةَ لِلَّهِ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ. "

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang tidak meninggalkan perkataan yang keji dan bodoh, dan beramal pula dengannya. Allah tiada hajat langung kepada puasanya dia daripada makan dan minum. [Sunan Ibn Majah, Kitab as-Siyam, hadis no: 1679]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا كَانَ يَوْمُ صَوْمِ أَحَدِكُمْ فَلَا يَرْفُثْ ، وَلَا يَجْهَلْ ، وَإِنْ جَهِلَ عَلَيْهِ أَحَدٌ ، فَلْيَقُلْ : إِنِّي امْرُؤٌ صَائِمٌ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Pada hari seseorang daripada kalian berpuasa, janganlah dia berkata perkataan yang keji, bukan jua perkataan yang bodoh. Jika seseorang memperbodohkannya, hendaklah dia menjawab: Sesungguhnya aku berpuasa. [Sunan Ibn Majah, Kitab as-Siyam, hadis no: 1681]

Semua jenis maksiat walaupun tidak membatalkan puasa, ia akan mengurangkan kesempurnaan puasa.

Memburu Lailatul Qadar

Apakah itu malam al-Qadar

Malam yang penuh keberkatan

Allah Ta'ala berfirman,

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنْذِرِينَ , فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ

Sesungguhnya Kami menurunkannya pada suatu malam yang diberkati dan sesungguhnya Kami lah yang memberi peringatan. (3) Pada malam itu dijelaskan segala urusan yang penuh hikmah. (4) [Ad-Dukhan: 3-4].

Malam yang diberkati di atas bermaksud malam Lailatul Qadar. Ini berdasakan firman Allah Ta'ala di bawah:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ

"Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (Al Quran) pada malam al-Qadar." [Al-Qadar: 1]

Kelebihan Malam al-Qadar

1. Pahala amalan kebaikan digandakan lebih baik daripada jumlah pahala beramal selama 1000 bulan

2. Kesejahteraan sehingga masuk waktu Subuh

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ , تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ , سَلَامٌ هِيَ حَتَّى مَطْلَعِ الْفَجْرِ

"Malam kemuliaan itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan malaikat Jibril dengan izin Tuhannya untuk mengatur segala urusan. Malam itu (penuh) dengan kesejahteraan hingga terbitnya fajar." [Al Qadar: 3-5].

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَتَاكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُبَارَكٌ ، فَرَضَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ ، تُفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ السَّمَاءِ ، وَتُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ ، وَتُغَلُّ فِيهِ مَرَدَةُ الشَّيَاطِينِ لِلَّهِ ، فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ ، مَنْ حُرِمَ خَيْرَهَا فَقَدْ حُرِمَ "

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Telah datang kepada kamu bulan Ramadhan yang penuh keberkatan. Allah telah memfardhukan ke atas kalian untuk berpuasa. Pintu-pintu langit telah dibuka, pintu-pintu neraka telah ditutup. Syaitan-syaitan telah dirantai kerana Allah. Padanya terdapat satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Sesiapa yang diharamkan daripada kebaikannya, maka sesungguhnya benar-benar di haram daripadanya. [Imam an-Nasaie dalam as-Sunan al-Sughra, Kitab as-Siyam, hadis no : 2089]

3. Keampunan buat yang menghidupkan malam tersebut

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا ، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang menghidupkan malam lailatulqadar dengan penuh keimanan dan mengharapkan (pahala), diampuni dosa-dosanya yang terdahulu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1778]

Bilakah Lailatul Qadar Terjadi?

1. Malam 10 akhir Ramadhan khususnya malam-malam ganjil

Al-Imam Ibn Hajar al-Asqalani dalam Fathul Bari mengemukakan hampir lebih empat puluh pendapat tentang bilakah berlakunya malam al-Qadar. Dan yang paling hampir kepada kebenaran ialah ialah ia berlaku pada malam ganjir sepuluh akhir Ramadhan. Ini berdasarkan riwayat-riwayat berikut:

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : " كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُجَاوِرُ فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ ، وَيَقُولُ : " تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ"

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam sering mengasingkan diri (beri’tikaf) pada sepuluh akhir Ramadhan. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Carilah Lailatul Qadar pada sepuluh akhir Ramadhan [Sahih al-Bukhari, Kitab Solat at-Tarawih, hadis no : 1891]

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْوِتْرِ مِنَ الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ"

‘Aisyah radiallahu ‘anha meriwayatkan, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Carilah Lailatul Qadar pada malam-malam ganjil daripada sepuluh malam yang akhir di bulan Ramadhan [Sahih al-Bukhari, Kitab Solat at-Tarawih, hadis no : 1888]

"الْتَمِسُوهَا فِي تِسْعٍ يَبْقَيْنَ أَوْ فِي سَبْعٍ يَبْقَيْنَ أَوْ فِي خَمْسٍ يَبْقَيْنَ أَوْ فِي ثَلَاثِ أَوَاخِرِ لَيْلَةٍ"

Abu Bakrah radiallahu ‘anhu berkata Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Carilah (Lailatul Qadar) pada sembilan malam yang akhir, atau tujuh malam yang akhir, atau lima yang akhir, atau tiga malam yang akhir. [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Sawm, hadis no : 723, hasan sahih]

Amalan-Amalan Yang Perlu Untuk Memburu Pahala Lailatul Qadar

1) Membanyakkan amal soleh secara umumnya melebihi kebiasaan yang dilakukan.

2) Antara amalan yang perlu diberi keutamaan ialah: -

- Solat Terawih/Qiamullail
- Membanyakkan membaca al-Quran
- I’tikaf

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : " كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْتَكِفُ فِي كُلِّ رَمَضَانٍ عَشْرَةَ أَيَّامٍ ، فَلَمَّا كَانَ الْعَامُ الَّذِي قُبِضَ فِيهِ ، اعْتَكَفَ عِشْرِينَ يَوْمًا"

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam biasa beri’tikaf pada bulan Ramadhan selama sepuluh hari. Namun pada tahun wafatnya, Baginda beri’tikaf selama dua puluh hari”.[Sahih al-Bukhari, Kitab al-I’tikaf, hadis no: 1913]

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، " أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَاخِرَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ " ، ثُمَّ اعْتَكَفَ أَزْوَاجُهُ مِنْ بَعْدِهِ.

‘Aisyah radiallahu ‘anha meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam beri’tikaf pada sepuluh hari yang akhir daripada Ramadhan sehingga Allah mengambil nyawanya, setelah kewafatan baginda isteri-isteri baginda pun beri’tikaf [Sahih al-Bukhari, Kitab al-I’tikaf, hadis no: 1896]

- Bersungguh-sungguh beribadah

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، قَالَتْ : " كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ ، أَحْيَا اللَّيْلَ ، وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ ، وَجَدَّ وَشَدَّ الْمِئْزَرَ"

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam apabila masuk ke dalam sepuluh akhir (Ramadhan), baginda sallallahu ‘alaihi wasallam akan menghidupkan malamnya (dengan ibadah), mengejutkan ahli keluarganya, dan memperketatkan kain sarungnya (menjauhi daripada melakukan hubungan seksual dengan isteri-isterinya) [Sahih Muslim, Kitab al-I’tikaf, hadis no: 2015]

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " يَجْتَهِدُ فِي الْعَشْرِ مَا لَا يَجْتَهِدُ فِي غَيْرِهِ"

‘Aisyah radiallahu ‘anha bekata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam sering berusaha bersungguh-sungguh (beribadah) pada sepuluh akhir (Ramadhan) melebihi kesungguhannya pada bulan-bulan yang lain [Musnad Ahmad, Hadis as-Sayyidah ‘Aisyah, hadis no : 23968, Shaikh al-Arnaouth berkata: Isnadnya sahih]

Imam Sufyan at-Tsauri rahimahullah berkata:

أحب إلي إذا دخل العشر الأواخر أن يتهجد بالليل و يجتهد فيه و ينهض أهله و ولده إلى الصلاة إن أطاقوا ذلك

Apabila masuknya sepuluh akhir Ramadhan, aku suka untuk melakukan tahajjud pada waktu malam dan bersungguh-sungguh melakukannya. Sufyan at-Tsauri rahimahullah juga akan mengejutkan ahli

keluarganya untuk mendirikan solat seandainya mereka mampu melakukannya. [Lathoif al-Maarif m/s 160]

e) Doa Malam Lailatul Qadar

عَنْ عَائِشَةَ , أَنَّهَا قَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ , أَرَأَيْتَ إِنْ وَافَقْتُ لَيْلَةَ الْقَدْرِ مَا أَدْعُو , قَالَ : " تَقُولِينَ : اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

‘Aisyah radiallahu ‘anhu berkata Wahai Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, apa pendapat engkau, seandainya aku mengetahui malam yang manakah adalah malam Lailatul Qadar, apa yang patut aku baca pada di dalam doa? Jawab baginda sallallahu ‘alaihi wasallam : Bacalah : Ya Allah, sesungguhnya Engkau Pemaaf, Engkau jua Mencintai Kemaafan, maafkanlah aku [Sunan Ibn Majah, Kitab ad-Dua', hadis no: 3848, Shaikh al-Albani mensahihkannya]

Bolehkah Wanita Haidh Mendapat Lailatul Qadar

Abu Burdah berkata:

سَمِعْتُ أَبَا مُوسَى مِرَارًا يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " إِذَا مَرِضَ الْعَبْدُ أَوْ سَافَرَ، كُتِبَ لَهُ مِثْلُ مَا كَانَ يَعْمَلُ مُقِيمًا صَحِيحًا ."

Aku mendengar Abu Musa berulang kali menyebutkan: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila seseorang itu sakit atau bermusafir, maka ditulis baginya (pahala) sebagaimana ketika dia beramal dalam keadaan bermukim dan sihat [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jihad wa as-Siyar, hadis no: 2996]

Shaikh Uthman al-Khamees berkata:

والحيض مرض عارض يمنع صاحبته مماكانت تفعله وهي صحيحة، فإذا أتاها وكان لها رصيد من العبادة، وعادة من الطاعة لم يمنعها من مواصلتها إلا الحيض فإن لها من الأجر مثل ما كانت تعمل وهي صحيحة

Haidh adalah penyakit yang menghalang pemiliknya daripada melakukan kebiasaan yang dilakukan ketika sihat. Seandainya datangnya haidh sedangkan dia memiliki ibadah yang biasa dia lakukan, dan tiada apa yang menghalangnya daripada terus melakukannya melainkan haidh. Maka si wanita ini akan tetap menerima pahala sebagaimana ketika dia beramal dalam keadaan tidak haidh [http://www.almanhaj.com/vb/showthread.php?t=24822]

Adakah mendapat ganjaran kelebihan malam al-Qadar jika tidak melihat tanda malam al-Qadar?

Shaikh Salih al-Munajid menjawab:

قد ترى ليلة القدر بالعين لمن وفقه الله سبحانه وذلك برؤية أماراتها ، وكان الصحابة رضي الله عنهم يستدلون عليهما بعلامات ولكن عدم رؤيتها لا يمنع حصول فضلها لمن قامها إيمانا واحتسابا

Malam al-Qadar dapat dilihat dengan mata bagi sesiapa yang Allah berikan petunjuk, begitu juga dengan bermimpi akan tanda-tandanya. Para sahabat radiallahu 'anhum pernah dapat melihat tanda-tandanya. Akan tetapi jika tidak dapat melihat tanda-tandanya tidaklah menghalang seseorang daripada memperolehi kelebihan malam al-Qadar bagi sesiapa yang menghidupkan malam itu dengan keimanan dan mengharap. [http://islamqa.info/ar/21905]

I'tikaf

Apakah maksud I'tikaf?

اللُّبْثُ فِي الْمَسْجِدِ عَلَى صِفَةٍ مَخْصُوصَةٍ بِنِيَّةٍ

Duduk di dalam masjid dengan sifat-sifat yang khas dan dengan niat (ibadah) [Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah]

Dalil-Dalil Pensyariatan I'tikaf:

Dalil al-Quran:

وَلاَ تُبَاشِرُوْهُنَّ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ البقرة : 187

Dan janganlah kamu campuri mereka (iaitu isteri-isteri kalian(itu, sedang kamu beri`tikaf dalam masjid"[Al-Baqarah : 187]

Dalil-dalil As-Sunnah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : "كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْتَكِفُ فِي كُلِّ رَمَضَانٍ عَشْرَةَ أَيَّامٍ ، فَلَمَّا كَانَ الْعَامُ الَّذِي قُبِضَ فِيهِ ، اعْتَكَفَ عِشْرِينَ يَوْمًا

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam biasa beri'tikaf pada bulan Ramadhan selama sepuluh hari. Namun pada tahun wafatnya, Baginda beri'tikaf selama dua puluh hari".[Sahih al-Bukhari, Kitab al-I'tikaf, hadis no: 1913]

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، " أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَاخِرَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ " ، ثُمَّ اعْتَكَفَ أَزْوَاجُهُ مِنْ بَعْدِهِ.

‘Aisyah radiallahu ‘anha meriwayatkanNabi sallallahu ‘alaihi wa sallam beri’tikaf pada sepuluh hari yang akhir daripada Ramadhan sehingga Allah mengambil nyawanya, setelah kewafatan baginda isteri-isteri baginda pun beri’tikaf [Sahih al-Bukhari, Kitab al-I’tikaf, hadis no: 1896]

Batasan Waktu:
Ulama’ bersepakat bahawa I’tikaf tidak mempunyai had masa maksima, akan tetapi mereka berbeza pendapat tentang minimum waktu I’tikaf.

Pertama: Paling minimum ialah satu hari. Ini pendapat Abu Hanifah, sebahagian ulama Maliki, dan mazhab Syafie.

Kedua: Satu hari satu malam. Ini mazhab Malik.

Ketiga: Sepuluh hari. Ini salah satu riwayat imam Malik.

Keempat: Seketika. Ini pendapat majoriti ulama.

Majoriti ulama’ berpendapat bahawa tiada masa minima untuk I’tikaf. I’tikaf sah walau hanya duduk seketika di dalam masjid. Al-Imam An-Nawawi rahimahullah berkata:

وَأَمَّا أَقَلُّ الاعْتِكَافِ فَالصَّحِيحُ الَّذِي قَطَعَ بِهِ الْجُمْهُورُ أَنَّهُ يُشْتَرَطُ لُبْثٌ فِي الْمَسْجِدِ , وَأَنَّهُ يَجُوزُ الْكَثِيرُ مِنْهُ وَالْقَلِيلُ حَتَّى سَاعَةٍ أَوْ لَحْظَةٍ

Adapun tentang minima tempoh I’tikaf, pendapat yang benar yang diputuskan oleh jumhur ulama’ ialah disyaratkan berada di dalam masjid, dan dibenarkan melakukannya dalam tempoh yang panjang mahupun pendek, hatta walau satu jam mahupun seketika” [al-Majmu’]

Bilakah bermulanya waktu I’tikaf 10 akhir Ramadhan?
Pendapat pertama: Masuk ke masjid sebelum masuk waktu Maghrib 20 Ramadhan. Ini merupakan pendapat jumhur empat mazhab.

Pendapat kedua: Selepas Solat Subuh 21 Ramadhan. Ini merupakan pendapat Al-ImamAl Auza’ie, Al-Laits dan At-Tsauri, Al Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani dan Al-Imam As-Son’ani Rahimahumullah. Mereka berdalilkan hadis berikut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، قَالَتْ : " كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْتَكِفُ فِي كُلِّ رَمَضَانٍ ، وَإِذَا صَلَّى الْغَدَاةَ دَخَلَ مَكَانَهُ الَّذِي اعْتَكَفَ فِيهِ ، قَالَ : فَاسْتَأْذَنَتْهُ عَائِشَةُ أَنْ تَعْتَكِفَ ، فَأَذِنَ لَهَا ، فَضَرَبَتْ فِيهِ قُبَّةً ، فَسَمِعَتْ بِهَا حَفْصَةُ ، فَضَرَبَتْ قُبَّةً ، وَسَمِعَتْ زَيْنَبُ بِهَا ، فَضَرَبَتْ قُبَّةً أُخْرَى ، فَلَمَّا انْصَرَفَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْغَدَاةِ ، أَبْصَرَ أَرْبَعَ قِبَابٍ ، فَقَالَ : مَا هَذَا ؟ فَأُخْبِرَ خَبَرَهُنَّ ، فَقَالَ : مَا حَمَلَهُنَّ عَلَى هَذَا آلْبِرُّ ، انْزِعُوهَا فَلَا أَرَاهَا ، فَنُزِعَتْ فَلَمْ يَعْتَكِفْ فِي رَمَضَانَ ، حَتَّى اعْتَكَفَ فِي آخِرِ الْعَشْرِ مِنْ شَوَّالٍ

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam melakukan I’tikaf dalam setiap Ramadhan. Apabila selesai solat Subuh, baginda akan masuk ke dalam tempat I’tikafnya. Lalu ‘Aisyah meminta izin untuk turut beri’tikaf, lalu baginda mengizinkannya. ‘Aisyah pun mendirikan khemah di situ, lalu Hafsah mendengar tentang hal tersebut, lalu Hafsah pun mendirikan khemah, lalu Zainab pula mendengar tentang hal itu, lalu Zainab pun mendirikan khemah yang lain. Apabila Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam selesai daripada solat Subuh, baginda terlihat empat buah khemah lalu baginda berkata: Apa ini? Lalu baginda diberitahu tentang hal mereka itu. Lalu baginda pun berkata: Mereka bukan melakukan kebaikan. Tanggalkan semua khemah ini, aku tidak mahu melihatnya. Lalu khemah-khemah pun dibuka dan baginda tidak melakukan I’tikaf pada Ramadhan tersebut, sehinggalah baginda melakukan I’tikaf pada sepuluh akhir bulan Syawal.

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-I’tikaf, hadis no: 1910]

Untuk lebih berhati-hati dicadangkan agar mengambil pendapat pertama agar tidak terlepas malam Lailatulqadar seandainya ia berlaku pada malam 21 Ramadhan.

Ulama jua berbeza pendapat pada waktu bilakah kita perlu keluar daripada masjid, pada Maghrib hari terakhir Ramadhan, atau selepas solat Aidilfitri.

Bolehkah wanita melakukan I’tikaf?
Wanita juga boleh melakukan I’tikaf.

Ini berdasarkan kisah isteri-isteri nabi sallallahu ‘alaihi wasallam di atas dan dalil-dalil berikut.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، " أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَاخِرَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ " ، ثُمَّ اعْتَكَفَ أَزْوَاجُهُ مِنْ بَعْدِهِ.

‘Aisyah radiallahu ‘anha meriwayatkanNabi sallallahu ‘alaihi wa sallam beri’tikaf pada sepuluh hari yang akhir daripada Ramadhan sehingga Allah mengambil nyawanya, setelah kewafatan baginda isteri-isteri baginda pun beri’tikaf [Sahih al-Bukhari, Kitab al-I’tikaf, hadis no: 1896]

Perkara-Perkara Yang Membatalkan I’tikaf
1) Keluar masjid tanpa alasan syar’i dan tanpa ada keperluan.

Ulama sepakat keluar daripada masjid atas keperluan yang tidak dapat dilakukan di masjid seperti buang air, makan dan minum apabila tiada makanan di masjid dan lain-lain tidak membatalkan I’tikaf. Jika keluar masjid tanpa keperluan mereka juga sepakat ia membatalkan I’tikaf [Fiqh al-I’tikaf]

Ini berdasarkan riwayat-riwayat berikut yang menunjukkan boleh keluar apabila ada keperluan.

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : "كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا اعْتَكَفَ ، يُدْنِي إِلَيَّ رَأْسَهُ ، فَأُرَجِّلُهُ ، وَكَانَ لَا يَدْخُلُ الْبَيْتَ ، إِلَّا لِحَاجَةِ الإِنْسَانِ. "

'Aisyah berkata: Nabi sallallahu 'alaihi wasallam apabila melakukan I'tikaf, baginda akan menghulurkan kepalanya kepada aku lalu aku menyikatnya. Baginda tidak akan masuk ke dalam rumah melainkan untuk hajat biasa seorang manusia (iaitu membuang air) [Sahih Muslim, Kitab al-Haidhi, hadis no: 450]

أَنَّ صَفِيَّةَ، زَوْجَ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم أَخْبَرَتْهُ أَنَّهَا جَاءَتْ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم تَزُورُهُ فِي اعْتِكَافِهِ فِي الْمَسْجِدِ، فِي الْعَشْرِ الأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ، فَتَحَدَّثَتْ عِنْدَهُ سَاعَةً، ثُمَّ قَامَتْ تَنْقَلِبُ، فَقَامَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم مَعَهَا يَقْلِبُهَا،

Sofiyyah radiallahu 'anha menceritakan bahawa dia pergi menziarahi Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam di tempat I'tikafnya di masjid pada sepuluh akhir Ramadhan, lalu berbual-bual seketika dengan baginda. Kemudian beliau bangun untuk pulang, lalu Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam berdiri bersama untuk menemaninya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-I'tikaf, hadis no: 2035]

2) Jima' (bersetubuh) -Ibn al-Munzir telah menukil ijma'/kesepakatan ulama' bahawa yang dimaksudkan dengan mubasyaroh dalam surat Al Baqarah ayat 187 adalah jima' (hubungan intim).

Muhasabah Ramadhan

Bukan Sekadar Lapar dan Dahaga

Puasa itu bukan sekadar menahan lapar dan dahaga sahaja.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " رُبَّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ ، وَرُبَّ قَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ قِيَامِهِ إِلَّا السَّهَرُ.

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Boleh jadi ada orang yang berpuasa, dia tidak mendapat apa-apa daripada puasanya melainkan kelaparan. Boleh jadi ada orang yang bangun melakukan qiamullail, tetapi dia tidak mendapat apa-apa daripada qiamullailnya melainkan berjaga malam. [Sunan Ibn Majah, Kitab as-Siyam (Puasa), hadis no: 1680. Shaikh al-Albani menyatakan ia hasan sahih dalam Sahih Ibn Majah]

Bagaimana Allah yang maha adil boleh menghukum insan sebegitu rupa. Seseorang yang berpuasa daripada makan dan minum, mustahil Allah tidak memberi apa-apa. Lalu kenapa insan ini hanya memperolehi lapar dan dahaga tanpa sebarang pahala?

Imam Abu 'Abdillah Muhammad Bin Yazid al-Qazwini (أبو عبد الله محمد بن يزيد القزويني) atau lebih dikenali dengan nama Ibnu Majah meletakkan hadis di atas dalam Kitab al-Siyam (Puasa) di bawah bab: (بَاب مَا جَاءَ فِي الْغِيبَةِ وَالرَّفَثِ لِلصَّائِمِ) Mengumpat dan Berkata Yang Buruk Oleh Seseorang Yang Berpuasa.

Tajuk bab sahaja sudah menunjukkan apakah puncanya puasa seseorang menjadi rugi tanpa pahala.

Hadis-hadis lain dalam bab ini menghuraikan lagi apakah punca puasa tidak mendapat pahala.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْجَهْلَ وَالْعَمَلَ بِهِ ، فَلَا حَاجَةَ لِلَّهِ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ. "

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang tidak meninggalkan perkataan yang keji dan bodoh, dan beramal pula dengannya. Allah tiada hajat langung kepada puasanya dia daripada makan dan minum. [Sunan Ibn Majah, Kitab as-Siyam, hadis no: 1679]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا كَانَ يَوْمُ صَوْمِ أَحَدِكُمْ فَلَا يَرْفُثْ ، وَلَا يَجْهَلْ ، وَإِنْ جَهِلَ عَلَيْهِ أَحَدٌ ، فَلْيَقُلْ : إِنِّي امْرُؤٌ صَائِمٌ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Pada hari seseorang daripada kalian berpuasa, janganlah dia berkata perkataan yang keji, bukan jua perkataan yang bodoh. Jika seseorang memperbodohkannya, hendaklah dia menjawab: Sesungguhnya aku berpuasa. [Sunan Ibn Majah, Kitab as-Siyam (Puasa), hadis no: 1681]

Apakah maksud 'Allah tiada hajat langung kepada puasanya'. Imam as-Sindi dalam Hasyiahnya menerangkan:

كِنَايَة عَنْ عَدَم الْقَبُول أَيْ لَيْسَ لِصَوْمِهِ قَبُول عِنْد اللَّه فَلَا ثَوَاب لَهُ

Ia merupakan kiasan kepada tidak diterimanya (puasa tersebut). Puasanya tidak diterima Allah, dan pelakunya tidak memperolehi pahala.

Al-Imam Ibn Rajab al-Hanbali menukilkan:

قال بعض السلف : أهون الصيام ترك الشراب و الطعام و قال جابر : إذا صمت فليصم سمعك و بصرك و لسانك عن الكذب و المحارم و دع أذى الجار و ليكن عليك وقار و سكينة يوم صومك و لا تجعل يوم صومك و يوم فطرك سواء

Sebahagian ulama salaf (ulama kurun tiga terawal Islam) berkata: Seringan-ringan puasa ialah meninggalkan minuman dan makanan. Jabir berkata: Jika engkau berpuasa, maka hendaklah pandangan

dan kata-kata mu turut berpuasa daripada berdusta dan perkara yang haram. Tinggalkanlah perbuatan buruk ke atas jiran. Jadilah engkau seorang yang tenang pada hari engkau berpuasa. Jangan engkau jadikan hari puasa mu sama seperti hari engkau tidak berpuasa.

Imam Ibn Rajab menukilkan lagi:

أن التقرب إلى الله تعالى بترك المباحات لا يكمل إلا بعد التقرب إليه بترك المحرمات فمن ارتكب المحرمات ثم تقرب إلى الله تعالى بترك المباحات كان بمثابة من يترك الفرائض و يتقرب بالنوافل

Mendekatkan diri kepada Allah dengan meninggalkan perkara yang harus/halal tidak akan sempurna melainkan selepas mendekatkan diri kepada Nya dengan meninggalkan perkara yang haram. Sesiapa yang melakukan perkara yang haram, kemudian beribadah dengan meninggalkan perkara yang halal, keadaannya sama seperti orang yang meninggalkan perkara yang wajib dan melakukan pula perkara yang sunat.

Jika diteliti ayat-ayat al-Quran berkaitan puasa daripada ayat 185 hingga 187 surah al-Baqarah. Allah dengan Kebijaksanaan Nya berkata pula pada ayat 188:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang bathil dan [janganlah] kamu membawa [urusan] harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan [jalan berbuat] dosa, padahal kamu mengetahui.

Imam Ibn Rajab menyebutkan keindahan ayat ini:

و الله أعلم ورد في القرآن بعد ذكر تحريم الطعام و الشراب على الصائم بالنهار ذكر تحريم أكل أموال الناس بالباطل فإن تحريم هذا عام في كل زمان و مكان بخلاف الطعام و الشراب فكان إشارة إلى أن من امتثل أمر الله في اجتناب الطعام و الشراب في نهار صومه فليمتثل أمره في اجتناب أكل الأموال بالباطل فإنه محرم بكل حال لا يباح في وقت من الأوقات

Wallahua'lam. Selepas disebutkan dalam Al-Quran berkaitan penghraman makan dan minum untuk orang yang berpuasa di siang hari, Allah menyebutkan pula pengharaman memakan harta manusia lain dengan jalan yang salah. Sesungguhnya pengharaman ini umum di setiap zaman, tempat. Tidak seperti makan dan minum (yang hanya haram di siang Ramadhan). Ini menunjukkan, sesiapa yang mentaati Allah dengan meninggalkan makan dan minum di siang hari berpuasa, hendaklah dia mentaati perintah Nya dengan meninggalkan memakan harta orang lain dengan cara yang salah. Sesungguhnya ia perbuatan yang haram pada setiap keadaan, tidak pernah ia menjadi harus pada mana-mana waktu.

Hakikatnya, makan, minum, menggauli pasangan yang sah adalah perkara yang halal bahkan boleh menjadi ibadah apabila dilakukan. Tetapi dalam Ramadhan, kita diseru meninggalkan perkara-perkara

yang halal ini. Seandainya yang halal ini mampu kita tinggalkan, apa lagi alasan yang ada untuk kita untuk tidak meninggalkan perbuatan yang haram.

Adakah Ramadhan Kita Diterima Tuhan?

Al-Imam Ibn Rajab al-Hanbali menukilkan dalam Lathoif al-Maarif:

كان السلف الصالح يجتهدون في إتمام العمل و إكماله و إتقانه ثم يهتمون بعد ذلك بقبوله و يخافون من رده و هؤلاء الذين : { وَالَّذِينَ يُؤْتُونَ مَا آتَوْا وَقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَى رَبِّهِمْ رَاجِعُونَ

Imam Ibn Rajab berkata: Generasi Salafussoleh berusaha bersungguh-sungguh dalam beramal dan menyempurnakannya. Selepas itu mereka akan menjadi sangat risau tentang penerimaan (Allah) ke atas amalan yang dilakukan. Mereka sangat takut jika amal-amal mereka ditolak. Mereka inilah yang disebut dalam ayat yang bermaksud: Dan orang-orang yang memberikan apa yang telah mereka berikan, dengan hati yang penuh khuatir, sesungguhnya mereka akan kembali kepada Rabb mereka [Al Mu'minun : 60].

روي عن علي رضي الله عنه قال : كونوا لقبول العمل أشد اهتماما منكم بالعمل ألم تسمعوا الله عز و جل يقول : { إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ{

Diriwayatkan bahawa 'Ali radiallahu 'anhu berkata: Mereka (generasi salaf) lebih mengambil berat tentang penerimaan amal berbanding dengan amal itu sendiri. Adakan kalian tidak pernah mendengar Allah s.w.t berfirman : Sesungguhnya Dia (Allah) hanya menerima (amalan-amalan) daripada mereka yang bertaqwa [al-Maidah : 27]